

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 172 ● 8 - 14 JULAI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## KWP hantar bantuan kemanusiaan dan sukarelawan ke Baling

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menghantar sukarelawan dan bantuan kemanusiaan untuk membantu mangsa banjir kilat di Baling, Kedah.

Bercakap mengenai perkara itu, beliau berkata ketika bencana yang sama menimpah negeri Selangor, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi di bawahnya telah menghantar 1,500 sukarelawan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangannya untuk menghulurkan bantuan kepada kawasan yang terjejas.

"Kita bersedia dengan kemungkinan untuk menghantar sukarelawan bagi membantu kerja-kerja pembersihan.

"Jumlah petugas mungkin



SHAHIDAN (kanan) diiringi Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim meninjau keadaan di Baling dalam lawatannya pada Rabu.



ISTERI Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin menyampaikan sumbangan kepada Abdul Azeez untuk diagihkan kepada mangsa.

tidak seramai yang kita hantar seperti Selangor kerana kawasan bencana di Baling itu hanyalah dua buah kampung," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Sementara itu, dua buah jentera milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta lori yang membawa muatan seperti tilam dan selimut

sumbangan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah pun tiba di Baling untuk diagih-agihkan kepada mangsa yang memerlukan.

Terdahulu, Kampung Iboi dan Kampung Tanjung Luas dalam Mukim Kupang, Baling dilanda banjir kilat pada petang Isnin.

WK

06-07-2022 Wed 02:34:19

## Guna rakaman CCTV saman pesalah jalan raya

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menaik taraf kira-kira 5,000 kamera litar tertutup (CCTV) miliknya bagi membantu pihak berkuasa mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang kepada pesalah lalu lintas.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata gambar dan video yang dihasilkan oleh CCTV ini boleh dijadikan bahan bukti untuk mengambil tindakan tersebut termasuk mengeluarkan saman kepada orang ramai yang melanggar undang-undang.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



Bertemakan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur

# Shahidan lancar duit syiling, setem

AZLAN ZAMBRY

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) mengeluarkan duit syiling peringatan, setem kenang-kenangan serta sampul surat hari pertama yang bertemakan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata duit syiling peringatan ini akan dikeluarkan dalam dua denominasi iaitu duit syiling peringatan Perak Sterling Berwarna (pruf) dengan nilai muka RM10.

"Selain itu, duit syiling peringatan emas Nordic Brilliant Uncirculated (B.U.) dengan nilai muka RM1 yang boleh didapati di BNM dan tarikh mula penjualannya akan diumumkan mereka pada masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Syiling dan Setem Kenang-kenangan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di Sasana Kijang pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan



SHAHIDAN (dua dari kanan) menunjukkan replika duit syiling bertemakan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di Sasana Kijang pada Selasa.

(KWP) Datuk Seri Rosida Jaafar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Penolong Gabenor BNM, Abdul Rahman Abu Bakar dan Ketua Jabatan Perancangan Korporat dan Antarabangsa Pos Malaysia, Azahar Ariff.

Shahidan berkata untuk setem kenang-kenangan dan sampul surat hari pertama pula akan mula dijual kepada orang ramai bermula

7 Julai ini pada harga RM38 setiap set.

"Ia mengandungi satu lembar setem kenang-kenangan, satu keping sampul surat hari pertama serta fail untuk meletakkan setem dan sampul surat tersebut.

"Setem dan sampul surat ini boleh dibeli di Pejabat Pos dan Biro Filateli Pos Malaysia," katanya.

Jelas Shahidan, penghasilan



KAKITANGAN Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menunjukkan duit syiling, setem dan sampul surat bertemakan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur.

syiling peringatan yang melibatkan Kuala Lumpur dan DBKL pernah dibuat sebelum ini.

"Pada tahun 1972 misalnya, syiling peringatan, setem kenang-kenangan serta sampul surat hari pertama dikeluarkan sempena pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai bandar raya.

"Manakala pada tahun 1990, syiling peringatan dikeluarkan sempena sambutan ulang tahun ke-

100 DBKL sebagai Pihak Berkusa Tempatan," katanya.

Tambah Shahidan, beliau berharap melalui penerbitan duit syiling peringatan, setem kenang-kenangan dan sampul surat hari pertama ini dapat dijadikan tanda kenangan yang cukup bermakna serta menjadi gambaran kepada kepesatan pembangunan yang dilalui oleh Kuala Lumpur sepanjang lima dekad lalu. **WK**

# Akan minta nasihat Peguam Negara sebelum laksanakan saman

DARI MUKA DEPAN

"CCTV ini mempunyai ciri-ciri yang boleh melihat dan mengenal pasti sebarang aktiviti pelanggaran undang-undang termasuklah memarkir kenderaan yang tidak mengikut peraturan.

"Selain itu, ia juga boleh melihat dengan jelas peniaga yang menjaja di kawasan yang tidak dibenarkan termasuk menggunakan petak kuning dan lorong bas," katanya kepada pemberita selepas Operasi Bersepadu Laluan Waktu Terhad.

Pengerusi Task Force Kesekaman Jalan Raya itu berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan susulan dengan pihak Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur dan Jabatan Penguatkuasaan (JPK) DBKL bagi mendapatkan nasihat daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang serta Pejabat Peguam Negara (AG) sebelum tindakan itu dilaksanakan.

"Pandangan AG diperlukan untuk melihat apakah pendekatan mengeluarkan saman melalui bukti yang dikemukakan melalui tangkap layar CCTV ini bertepatan dengan undang-undang kerana teknologi CCTV ini boleh merakam gambar kenderaan serta sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang dengan tepat.

"Apa yang hendak dilakukan, melalui bukti itu, kita boleh keluar saran kepada mereka yang melanggar peraturan.



JALALUDDIN (tengah) menerangkan kesalahan yang dilakukan seorang pemandu kenderaan berat semasa Operasi Bersepadu Laluan Waktu Terhad pada Rabu.

"Selain itu, kita juga menjangkakan perkara berkenaan akan dibawa ke mahkamah oleh pesalah trafik berkenaan, jadi dengan nasihat AG ini, ia adalah persediaan ke arah itu," katanya.

Jelas Jalaluddin, tindakan tersebut diambil bagi membantu dan meneruskan segala usaha untuk mendidik pengguna jalan raya yang suka melanggar undang-undang dan mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan masalah kesesakan yang disumbangkan.

"Kita telah putuskan tindakan ini akan diteruskan serta-merta dan berterusan kerana dapat

memberi pendidikan kepada mereka yang mementingkan diri sendiri sehingga sering melanggar peraturan dan undang-undang jalan raya sehingga menyusahkan pengguna jalan raya yang lain," katanya.

Dalam pada itu, Jalaluddin menegaskan tindakan kompaun yang dikenakan kepada kenderaan berat yang didapati melanggar peraturan akan diteruskan secara undang-undang malah beliau telah mengingatkan bahawa tiada campur tangan politik atau rayuan boleh diberikan kepada pesalah berkenaan. **WK**



**TAWARAN PENJUALAN UNIT RUMAH MILIK PERBADANAN LABUAN**



**PERUMAHAN TAMAN MUTIARA KAMPUNG SUNGAI BEDAUN W.P LABUAN**

- BEOK M
- 3 BLIK TIUR, 1 BLIK UTILITI & 2 BLIK AIR
- KELUASAAN: 850KP

**HARGA JUALAN**

<b>ARAS BAWAH</b>	<b>RM120,000.00</b>
<b>TINGKAT 3</b>	<b>RM87,500.00</b>
<b>TINGKAT 4</b>	<b>RM90,000.00</b>

**F1-PENGURUSAN RM 100.00**  
*"FIRST-COME FIRST-SERVED"*  
*"BILAM KEADATN SEDIK ADA"*

**KEMUDAHAN ASAS**

- KEDAI
- GRIWAN
- SEKOLAH
- KLUK/KOMUNITI
- SURAU
- TAJUH PERMAISURI

**BORANG PERMOHONAN BOLEH DIAKSES/DIPEROLEHI DI**

- Laman Sesawang PT [www.pbl.gov.my](http://www.pbl.gov.my)
- Kounter Khidmat Pelanggari, Tkt Bandar, Muk 3, Wisma PL
- Jabatan Perluan & Pengurusan Harta, TM 2, Blok 6, Wisma PL
- Kounter Khidmat Pelanggari UTC, Putra Sentral

**TARikh TUTUP PERMOHONAN INI PADA 13 JULAI 2022 (RABU).**  
**HANYA BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN YANG LENGKAP SAHAJA AKAJAN DIPROSES.**

Kongsi ilmu tangani masalah banjir

# DBKL terima lawatan delegasi TMG

DIANA AMIR

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima lawatan kerja daripada delegasi Tokyo Metropolitan Government (TMG) bagi berkongsi langkah melaksanakan Pelan Tindakan Mitigasi Banjir.

DBKL dalam kenyataannya berkata lawatan selama dua hari pada 5 dan 6 Julai lalu adalah bagi membalas lawatan pihak Kuala Lumpur yang melawat Tokyo baru-baru ini.

"Ia juga sebagai satu medium untuk kedua-dua bandar raya menyumbang idea menangani banjir di Kuala Lumpur yang keadaannya sama seperti di Tokyo iaitu disebabkan oleh hujan lebat dalam tempoh singkat sehingga merosakkan banyak harta benda awam," ujarnya.

Terdahulu, lawatan tersebut melibatkan seramai 12 orang yang diketuai oleh Penasihat Khas kepada Gabenor Jepun dalam bidang teknikal dari TMG, Nakajima Takashi.



SHAHIDAN (tengah) bergambar kenangan bersama delegasi Tokyo Metropolitan Government selepas sesi kunjung hormat pada Selasa.

Lawatan kerja dua hari tersebut diisi dengan beberapa program yang turut disertai Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

"Ia meliputi lawatan ke SMART Control Centre, Kolam Takungan Banjir Taman Botani, Empangan Batu, sesi perkongsian ilmu daripada

da pegawai Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL serta turut diadakan Majlis Makan Malam yang dihoskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah," ujar kenyataan itu.

DBKL turut menzahirkan ucapan terima kasih di atas lawatan kerja delegasi TMG ke Kuala Lumpur dan



PENASIHAT Khas Teknikal Gabenor Tokyo, Nakajima Takashi menandatangani buku pelawat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sambil disaksikan Shahidan (berdiri).

diharapkan ia memberi impak positif dalam menangani banjir di Kuala Lumpur.

"Terima kasih diucapkan kepada delegasi TMG yang berpeluang mengadakan lawatan kerja ke Kuala Lumpur dan kami sangat menghargai segala pandangan serta nasihat yang telah diberikan sepanjang se-

si perkongsian ilmu selama dua hari ini.

"Diharapkan semoga lawatan kerja ini dapat membawa hasil positif kepada DBKL dalam menangani masalah banjir di Kuala Lumpur seterusnya dapat memberi keserasaan kepada warga kota," katanya.

WK

## WBB diteruskan hingga 31 Disember

**I**NISIATIF Wilayah Bebas Berniaga (WBB) untuk Lesen Sementara KL Prihatin akan dikekalkan sementara hingga 31 Disember ini dengan beberapa penambahbaikan diperkenalkan mulai bulan ini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berakata antara penambahbaikan termasuk bayaran fi lesen, penetapan waktu operasi perniagaan dan penyusunan atau pemindahan penjaja bagi mengatasi isu seperti seperti halangan lalu lintas, kebersihan dan pembinaan struktur kekal.

"Setiap penjaja akan dikenakan bayaran fi pembaharuan lesen sebanyak RM20 sebulan dan caj perkhidmatan RM30 sebulan kos bertujuan menampung kerja pembersihan dan pengurusan.

"Waktu operasi perniagaan pula dihadkan dua sesi berbanding sepanjang hari sebelum ini bagi mengawal keadaan di tapak dan bagi memudahkan kerja pembersihan.

"Peniaga boleh memilih satu sesi sahaja tertakluk kesesuaian lokasi sama ada sesi satu yang bermula pukul 7 pagi hingga 7 petang atau sesi dua bermula pukul 6 petang hingga 12 tengah malam," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu, pemegang lesen diberi tempoh mulai sekarang hingga 15 Julai ini untuk mengemukakan permohonan pembaharuan secara dalam talian melalui laman



INISIATIF Wilayah Bebas Berniaga (WBB) yang diperkenalkan sejak November 2020 diteruskan hingga 31 Disember ini dengan beberapa penambahbaikan baharu untuk kemudahan peniaga.

sesawang DBKL atau hadir ke Kaunter Lesen Berpusat Jabatan Pelesehan dan Pembangunan Perniagaan.

"Pembaharuan lesen aktiviti perniagaan barang basah tidak dibenarkan dan peniaga dikehendaki mengemukakan permohonan masuk ke pasar terbuka, pasar pagi, pasar malam dan pasar DBKL atau menukar jenis jualan selewat-lewatnya 30 September depan.

Semakan keputusan boleh dibuat melalui laman sesawang di <https://elesen.dbkl.gov.my/> mulai 1 Ogos hingga 15 Ogos ini dan pemegang lesen dikehendaki menjelaskan bayaran fi lesen dan mencetak lesen sekiranya lulus.

Sementara itu, DBKL memaklumkan penjaja di lokasi terlibat aduan atau kacau ganggu akan disusun atau dipindah tertakluk kepada kosongan antaranya di Pusat Penjaja; Pasar Berbangunan DBKL; pasar malam atau pasar terbuka sedia ada dan penempatan semula penjaja di lokasi dibenarkan DBKL.

"Penambahbaikan yang dilakukan bagi memastikan program WBB dapat diteruskan secara holistik untuk jangka masa panjang bagi memastikan permasalahan dapat diselesaikan supaya warga kota dan peniaga mendapat manfaat bersama dalam Keluarga Malaysia," katanya. WK

## Warga kota mula tukar botol kosong dengan wang tunai

**K**EWAJUDAN mesin kitar semula yang dikenali sebagai *Recycling Reverse Vending Machine* (RRVM) mendapat pujian warga kota kerana ia sebagai alternatif untuk membantu menjaga alam sekitar sekali gus menambah pendapatan untuk mereka.

Sharm Humairah Addin Sahabuddin, 19, menyifatkan penyediaan mesin tersebut merupakan inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memupuk budaya menjaga kebersihan dalam kalangan warga kota dan pada masa sama membantu mereka menambahkan pendapatan.

"Mesin ini menunjukkan DBKL sentiasa mencari jalan untuk melibatkan orang ramai bersama-sama menjaga kebersihan dengan tidak membuang sampah yang boleh dikitar semula merata-rata.

"Dengan inisiatif ini, ia boleh mencapai hasrat tersebut dan turut membantu orang ramai menjana pendapatan tambahan kerana mesin ini menukar barang kitar semula dengan wang tunai," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Bercerita lanjut, Sharm Humairah berkata amalan kitar semula telah diterapkan oleh kedua ibu dan bapanya sejak dari bangku sekolah dan sering mengumpulkan bahan-bahan tersebut untuk dijual dengan bayaran yang diterima sekitar RM2 hingga RM3 sahaja untuk tiga kilogram botol plastik.

"Melalui RRVM, setiap botol bersaiz kecil atau besar perlu diimbas kod bar terlebih dahulu sebelum jumlah yang dibayar adalah RM0.05 setiap unit.



RRVM membantu pelajar seperti Sharm Humairah menambah wang sakunya.

"Baru-baru ini, saya dan keluarga berjaya mengumpulkan hampir 70 botol air mineral bersaiz kecil dan besar yang dikutip ketika temasya sukan sekolah dan jangkaan akan menerima kira-kira RM7 atau RM8," katanya.

Tambahnya, jumlah wang tunai yang dijana melalui aktiviti ini akan dikreditkan terus ke dalam akaun *e-walletnya* dan ia boleh dimanfaatkan untuk pelbagai perkara termasuklah berbelanja dan membayar tambang pengangkutan awam serta lain-lain.

Tambahnya, RRVM ini perlu dilekatkan di kawasan yang mudah diakses supaya budaya kitar semula menjadi amalan warga kota sesuai dengan status Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang menjadi tumpuan dunia. WK

Tiga syarikat bida pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok

# Status terperinci dimaklum Kabinet

KHAIRUL IDIN

**T**IGA syarikat telah membida untuk pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok, kata Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam satu kenyataan.

Berikut itu, KWP dan Kementerian Kerja Raya (KKR) akan membentangkan status terperinci mengenai cadangan pembinaan jambatan tersebut kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Menurut KWP, proses iklan *Request for Proposal* (RfP) bagi cadangan pembinaan jambatan itu dilaksanakan pada 26 April hingga 1 November tahun lalu.

Katanya, hasil daripada RfP itu kerajaan melalui KKR telah menerima cadangan daripada tiga syarikat pembida yang berminat.

"Proses penilaian teknikal dan komersial RfP pembida-pembida telah dilaksanakan dan keputusan penilaian tersebut telah diperakukan oleh Jawatankuasa *Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU).

"Keputusan terperinci akan dibentangkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kerja Raya kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat," katanya.

Menurutnya, kerajaan sentiasa mengambil



JAMBATAN Labuan-Menumbok bakal menjadi game changer dalam merancakkan ekonomi Labuan. - Gambar ilustrasi


serius dan berusaha untuk merealisasikan pelaksanaan pembinaan jambatan berkenaan.

Malah perancangan pembinaan jambatan telah dinyatakan secara jelas dalam *Labuan Development Blueprint 2030* dan Rancangan Tempatan 2030.

"Cadangan pembinaan diambil kira dan diterapkan dalam penyediaan Rancangan

Pembangunan Labuan 2040 yang sedang disediakan oleh Perbadanan Labuan.

"Pihak kerajaan juga sentiasa peka dan seiar dengan kepentingan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah yang bakal menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di samping pelbagai impak positif serta mengurangkan jurang sosioekonomi dan rentas wilayah," katanya. WK



## SECAWAN KOPI BUATMU PEJUANG

Langkah kaki diatur hutan dan lumpur adalah keringat bertempur kopi mengalir mumur bersama darah campur

Hunus keris bergilir gempita dalam getir mencari akar benar selagi langit bergegar berjuang ke ribuan akhir

Gabriel Kimjuan  
Batu Manikar, Labuan



DATUK Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah meninjau beberapa lokasi sekitar pusat bandar yang berpotensi untuk dipertingkatkan lagi landskap perbandarannya (urban content) pagi Ahad lalu. Usaha berterusan untuk menjadikan bandar raya ini bandar raya untuk semua.

## CERTA KEDAI KOPITIAM

### Skim WWB disambung

**BERITA** gembira untuk peserta Wilayah Bebas Berniaga (WBB) di Wilayah Persekutuan. Skim tersebut yang berakhir Jun lalu disambung lagi sehingga 31 Disember 2022. Skim ini sudah beberapa kali disambung sejak pertama kali diperkenal pada tahun 2020.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, penyambungan berterusan skim ini membuktikan sambutan baik daripada orang ramai yang ingin berjinak dengan perniagaan. Ia juga membuktikan kejayaan skim berkenaan menjadikan perniagaan kecil-kecilan sebagai sumber rezeki.

Matlamat asal WBB untuk membantu golongan yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 apabila banyak sektor ekonomi ditutup atau gulung tikar lantaran Perintah Kawalan Pegerakan (PKP). Dengan penutupan kilang atau syarikat, ramai pekerja terpaksa

dibuang kerana syarikat tidak dapat lagi menampung kos operasi.

Pengenalan WBB mendorong mereka yang terjejas mencebur i bidang baharu dengan kaedah berniaga yang diper mudahkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Malah ia juga terbuka kepada lulusan universiti yang telah menamatkan pengajian tetapi belum beroleh pekerjaan.

Kawan-kawan Kedai Kopi melihat skim ini ternyata popular dan berjaya. Bukan sahaja mereka yang terjejas dengan COVID-19 menjadi peniaga, kini ramai mengambil peluang sama. Sambutan hangat inilah yang mendorong skim ini terus disambung. Sehingga ini lebih kurang 5,000 lesen dikeluarkan kepada peniaga di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Kepada peniaga yang berada di bawah WBB, berniagalah dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh DBKL. Jangan wujudkan persekitaran perniagaan yang boleh menyusahkan orang ramai serta mengundang rasa tidak puas hati di kalangan mereka.

DBKL sudah memberi ingatan akan bertindak jika banyak menerima aduan aktiviti berniaga menyebabkan gangguan sosial, sampah bersepah dan kesesakan kepada orang ramai. Ini sudah termaktub dalam syarat pemberian lesen.

Harapan kawan-kawan Kedai Kopi, para peniaga gunakan peluang yang diberi oleh kerajaan dengan sebaik-baiknya, dengan niat untuk mencari sumber pendapatan halal buat diri dan keluarga. Jika patuh kepada peraturan, besar kemungkinan skim WBB ini terus disambung selepas Disember nanti.

### Sesak Hari Raya Haji

**DUA** hari lagi, pada Ahad 10 Julai, umat Islam di Malaysia akan menyambut Hari Raya Aidiladha, atau popular dikenali sebagai Hari Raya Haji. Dengan cuti hujung minggu yang panjang dari Sabtu hingga Isnin, dijangka ramai akan mengambil kesempatan balik berhari raya bersama keluarga di kampung.

Memandangkan sambutan raya haji begitu popular di Pantai Timur, khususnya

negeri Kelantan, aliran trafik ke Pantai Timur melalui Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) dijangka meningkat sehingga menyebabkan kesesakan di plaza tol, seperti juga pada Hari Raya Aidilfitri. Kesesakan juga dijangka di jalan persekutuan menuju ke Kelantan.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, dijangka dalam lingkungan 2.4 juta kenderaan bergerak ke Pantai Timur melalui lebuh raya seawal 8 Julai sehingga 11 Julai.

Daripada jumlah tersebut, dijangka 1,648,000 kenderaan akan menggunakan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak (KLK). Sebanyak 704,000 lagi kenderaan dijangka menggunakan LPT.

Carta aliran trafik hujung minggu sekak awal tahun menunjukkan purata aliran bagi KLK ialah 161,000 kenderaan, manakala di LPT pula jumlah yang direkodkan ialah sekitar 65,000 kenderaan.

Kepada semua rakyat Malaysia, kawan-kawan Kedai Kopi ucapan Selamat Hari Raya Aidiladha. Selamat bergembira bersama keluarga. Namun ingat, sentiasa jaga keselamatan diri dan semua orang tercinta.

## SIDANG REDAKSI

### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@yayasanwp.org.my

### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

### WARTAWAN

Khairul Idin  
Khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer6@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com  
Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwktv@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@yayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@yayasanwp.org.my



@KELUARGA MALAYSIA

# MY Medic@Wilayah



## Jadual Perkhidmatan Bulan Julai 2022

		LOKASI 1	LOKASI 2	LOKASI 3
<b>Minggu Pertama</b>	Sabtu (2.7.2022)	PPR PEKAN KEPONG	PPR BERINGIN	PPR SERI AMAN
	Ahad (3.7.2022)	PA SERI PULAU PINANG	PPR PUDU ULU	PA SERI SABAH 3B
<b>Minggu Kedua</b>	Sabtu (9.7.2022)		Hari Raya Aidiladha	
	Ahad (10.7.2022)			
<b>Minggu Ketiga</b>	Sabtu (16.7.2022)	PA FLAT SERI KOTA	PA SERI JOHOR 4AB	PA SERITIOMAN
	Ahad (17.7.2022)	PPR PEKAN BATU	PPR SERI MALAYSIA	PPR DESA REJANG
<b>Minggu Keempat</b>	Sabtu (23.7.2022)	PPR SERI SERAWAK	PA SERI SABAH 3A	PPR PUDU ULU
	Ahad (24.7.2022)	PPR PEKAN KEPONG	PPR BERINGIN	PA SERITIOMAN
<b>Minggu Kelima</b>	Sabtu (30.7.2022)	PA FLAT SERI KOTA	PA SERI JOHOR 4C	PA WANGSA MAJU R10
	Ahad (31.7.2022)	PA PEKAN BATU	PPR DESA REJANG	PPR SERI AMAN

*Nota: Waktu operasi bagi setiap lokasi adalah bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 1.00 t/hari*

# Seni tradisi kontang di KL



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**B**ERADA di tengah-tengah kesibukan Kuala Lumpur pada satu malam minggu membuatkan saya sangat merindui suasana di kota batu ini pada dekad 1980-an hingga 1990-an. Inilah dekad yang paling mempesona dan saya merasai sendiri ledakan kesenianya.

Pengalaman manis itu tidak mungkin dilupakan tatkala saya dan kawan-kawan mengisi malam dengan menonton acara kesenian yang berselerak di sana sini. Di kampung pun tidak begitu keadaannya. Pilih sahaja tempatnya - Panggung Drama Jalan Bandar, Panggung Drama DBKL, Central Market, Kompleks Budaya Negara (KBN) atau Panggung Percubaan Universiti Malaya.

Nuansa kesenian di Kuala Lumpur sangat terasa. Walaupun belum ada Menara Berkembar Petronas, pelancong menikmati keunikan Kuala Lumpur daripada kesenian tradisi yang boleh disaksikan dengan mudah. Kesenian ini menjadi antara mercu tanda keunikan Kuala Lumpur di mata orang luar.

Suasana seperti ini mengimbangkan antara pembangunan fizikal dengan tuntutan terhadap hal-hal yang menjadi santapan jiwa. Seni itu penawar yang melegakan tekanan sambil membawa kita mengapresiasi suatu yang bukan sahaja dilihat tetapi dirasa.

Banyak kesenian tradisi yang hampir pupus boleh dinikmati di Kuala Lumpur. Perkembangan ini berlaku secara natural, tanpa dipaksa untuk tujuan yang lain daripada menyemarakkan nuansa kesenian di kota batu ini.

Lebih mempesona lagi apabila waktu itu Kuala Lumpur adalah 'bandar raya dalam taman' dan semarak seninya bertebaran. Kegiatan kesenian tidak pernah putus, hendak menonton makyung atau menora malah wayang wong (kesenian masyarakat Jawa di Johor) bila-bila masa sahaja.

Seingat saya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sendiri sangat aktif menganjurkan acara kesenian secara berterusan. Selain makan dan pakai, memberikan ruang menikmati kesenian juga satu keperluan manusia.

Acara deklamasi puisi bulanan di Auditorium DBKL



MAKYUNG, menora atau main petri antara kesenian tradisi yang sering dibawa ke Central Market.

diadakan secara konsisten oleh DBKL. Bertahun-tahun jugalah hayat acara puisi bulanan yang mendapat sokongan kuat daripada Datuk Bandar, Allahyarham Tan Sri Elyas Omar dan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Nordin Razak.

Banyak kali juga saya menyaksikan Nordin turun ke lapangan bersama-sama seniman lain mendeklamasikan puisi. Beliau sangat tertampil sebagai 'orang besar' DBKL mempunyai rasa seni yang tinggi. Malah pernah berlakon dalam teater antaranya Bertam Bukan Semambu arahan Khalid Salleh yang dipentaskan di Auditorium DBKL.

Masa yang sama juga Badan Budaya DBKL sangat giat mementaskan teater di Auditorium DBKL atau Panggung Drama di tepi persimpangan Sungai Kelang dan Sungai Gombak. Saya masih ingat dengan jelas iltizam beberapa penggerak badan budaya ini, antaranya Ahmad Bahar dan Din Morgan.

Pelajar-pelajar Universiti Malaya juga banyak menyumbang merancakkan kedudukan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang tebal penghayatan seninya. Banyak persembahan dan pementasan dibuat di Panggung Percubaan, Universiti Malaya.

Sementara di Central Market pula ada persembahan kesenian tradisi hampir setiap malam di pentas kecil di tepi Sungai Kelang, bertentangan dengan bangunan Daya Bumi. Pada dekad 1980-an dan 1990-an Central Market sangat menyumbang pada nuansa kesenian di Kuala Lumpur.

Pemilik Central Market waktu itu benar-benar menjadikan bangunan pasar basah yang dibina

British tahun 1888 itu sebagai tempat tarikan pelancong. Central Market sangat aktif. Saban hari menjelang pukul 7 malam para petugas sibuk menghampar tikar plastik di depan pentas.

Selepas Maghrib persembahan kesenian dimulakan dan penonton termasuk pelancong luar bersila sambil menonton. Malangnya suasana begini sudah tidak berulang lagi.

Selain deklamasi puisi, banyak kesenian tradisi yang unik di kampung-kampung dibawa ke Central Market. Kalau makyung, menora atau main petri itu sudah dianggap biasa kerana kerap dipersembahkan di situ.

Saya perlu menyebut bahawa keterampilan Central Market sebagai pusat persembahan kesenian tradisi banyak disumbang oleh Pegawai Perhubungan Awam, Goh Lin Yu yang sangat minat dan faham kesenian. Anak muda lepasan Universiti Sains Malaysia (USM) ini nampak kepentingan seni pada sebuah kota yang penuh batu.

Bagaimanapun sekarang semuanya sudah menyepi san sunyi. Di Kuala Lumpur sudah sukar untuk menyaksikan persembahan kesenian – makyung, menora malah dikir barat sudah lama tidak kelihatan. Pementasan teater juga ikut senyap.

Menjelang alaf baru tahun 2000, sedikit demi sedikit hal-hal yang membawa maksud kesenian dan kebudayaan sudah mengesot hilang daripada pandangan. Tinggallah kota batu yang kontang dan tidak ada makanaan jiwa untuk warganya. Pelukis jalanan dan seni menjual ubat yang senama dengan Jalan Masjid India pun sudah tiada.

**“Lebih mempesona lagi apabila waktu itu Kuala Lumpur adalah ‘bandar raya dalam taman’ dan semarak seninya bertebaran. Kegiatan kesenian tidak pernah putus, hendak menonton makyung atau menora malah wayang wong (kesenian masyarakat Jawa di Johor) bila-bila masa sahaja.**

Hari ini kalau pelancong dari luar negara bertanya di manakah tempat pertunjukkan wayang kulit atau makyung yang dikenali sebagai warisan tradisi di seluruh dunia, katakan kepada mereka bahawa seni itu tidak mengenyangkan. Orang Kuala Lumpur hanya hidup untuk makan dan pakai sahaja.

Sebenarnya saya sudah beberapa kali menulis tentang Kuala Lumpur yang perlu mengadakan persembahan kesenian tradiri secara regular - setiap minggu atau tiga kali seminggu. Panggung Bandaraya sentiasa terbiar dan kosong. Alangkah baiknya diisi dengan kesenian tradisi untuk orang tempatan dan juga pelancong.

Saya membayangkan seniman seni tradisional seperti tok dalang wayang kulit, tukang karut dan pemuzik wayang kulit, pelakon dan pemuzik makyung boleh hidup selesa sebagai seniman sepanjang masa. Mereka dibayar gaji untuk menjayakan persembahan kesenian tradisi di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun kerana saya bukan menteri, perkara itu terus menjadi bayang-bayang. Tidak ada pihak yang mengambil endah tentang saranan dan kewajaran mengangkat kesenian tradisi di kota batu ini. Maka tulisan ini pun tidak mengharapkan apa-apa, selepas disiarkan ia akan berlalu bersama angin.

Kuala Lumpur adalah sebuah kota batu yang tumbuh pesat mengisi ruang-ruang kosong antara bangunan yang

sudah ada. Kita tidak menahan pertumbuhan di kota batu kerana itu adalah sifatnya. Walaupun begitu birokrat Kuala Lumpur boleh menghidupkan kota batu ini dengan sesuatu yang berseni.

Selain berdirinya Balai Seni Lukis Negara (BSLN), Perpustakaan Negara dan Muzium Negara, atau seni arca di Laman ASEAN berdekatan Tugu Negara, kegiatan kesenian tradisi harus berselerak di sana sini. Seni diperlukan oleh semua manusia sama ada mereka sedar atau tidak.

Sebagai manusia, tidak semua warga Kuala Lumpur hidup hanya untuk makan, pakai dan bekerja. Sama ada diluhukan atau tidak, mereka memerlukan sesuatu yang melampaui tuntutan atas itu. Disebabkan manusia juga mereka memerlukan suasana yang penuh seni sebagai imbangan kekusutan dan tekanan.

Sebagai kota batu, Kuala Lumpur harus dibangunkan dan diseimbangkan antara tuntutan fizikal dan keperluan jiwa. Kedua-dua pembangunan ini amat penting - mendirikan bangunan demi tuntutan ruang, menghidupkan rasa yang seni untuk makanan jiwa. Kita jangan terlalu awal menyerah diri menjadi robot.

## SAJAK

### MENCARI JALAN

Jalan di kota,  
jangan diukur dengan andaian.  
Aspalnya mampu mendidik,  
sebuah perjalanan,  
sebelum melangkah keluar  
mengutip kepastian.

Ini jalan kota yang sendat  
ketika matahari menyala  
bahangnya menyala pemikiran  
waktu yang bergelut  
menampikan sebuah penjelasan  
pada segenggam kesabaran.

Kota ini, jalannya bagi harapan  
sama ada berlari mengejar awan  
atau menantikan rindu  
turun menjadi hujan.

Jalan di kota,  
di kala malam,  
beburung bersarang di atas garis-garisnya,  
lampu-lampu menelurkan;  
mimpi-mimpi yang berterangan.

Solihin Osman  
Dangau Seni, Kangar.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Bangunlah Kampung Baru, jangan terpinggir!

**S**ETIAP malam Sabtu pukul 11 malam ketika ramai sudah masuk ke peraduan atau sedang siap sedia untuk melelapkan mata, Adi perlahan-lahan menurunin tangga daripada tingkat tiga apartmen sewa di Kampung Baru menuju ke motosikal kapcai di tingkat bawah.

Kawan-kawan sudah tahu ke mana arah tujuan Adi pada waktu lewat malam itu—ke pawagam Federal di Jalan Raja Laut yang tidak sampai satu kilometer dari rumah sewa Adi di Jalan Raja Uda.

Tujuannya untuk menonton tayangan tengah malam atau *midnight show* filem Hindustan. Selalunya setiap minggu akan ada filem baharu ditayang. Menerjah suasana malam menaiki kapcai memang seronok dalam suasana bandar raya sudah mulai kurang sibuk.

Kisah ini ketika Adi masih bujang dan bekerja di sebuah syarikat penerbitan akhbar terkemuka di Kuala Lumpur, sekitar tahun 1980-an. Adi menyewa apartmen bersama tiga rakan lain. Ketika itu sewa hanya RM350 sebulan untuk satu unit. Sekarang, jumlah sebanyak itu tidak cukup pun untuk menyewa bilik yang selesa.

Menonton tayangan tengah malam setiap hujung minggu adalah antara kenangan manis Adi ketika tinggal di Kampung Baru. Walaupun bukan anak jati Kampung Baru, duduk menyewa di situ memang unik dan seronok kerana kedudukannya sebagai ‘kampung dalam bandar’.

Kampung Baru memang strategik. Tempat makan atau membeli-belah berada di sekeliling, jaraknya hanya ibarat sejauh melempar sekutul batu. Suasana sentiasa meriah siang hingga ke malam. Persekitaran suasana kampung juga terasa, seperti Adi berada di kampung sendiri di Bagan Datuk, Perak.

Cuma yang menyentuh hati ialah menyaksikan keadaan Kampung Baru yang nampak suram berbanding kawasan sekitar. Masih terdapat rumah sudah uzur diwarisi zaman berzaman, tanpa sebarang perubahan atau pembaharuan. Ini mewujudkan pemandangan kurang menarik sebagai lambang kampung Melayu di bandar.

Kerana itu, walaupun sudah tidak lagi tinggal di Kampung Baru, Adi teruja apabila mendengar rancangan kerajaan untuk membangunkan semula kampung tradisi Melayu itu agar setanding dengan kawasan sekeliling.

Kampung Baru yang tersepit dalam pembangunan serba moden di sekelilingnya memang sangat perlu dinaik taraf dan wajahnya diubah agar mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan pelbagai



KAMPUNG Baru perlu dinaik taraf dan wajahnya diubah agar mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan pelbagai bangunan moden pencakar langit di sekitarnya.

bangunan moden pencakar langit di sekitarnya. Kampung Baru tidak harus ketinggalan dalam arus pembangunan ini.

Namun sayangnya walaupun cadangan pembangunan ini sudah dicetuskan sejak beberapa dekad lalu, ia masih belum menjadi kenyataan. Segala pencangan pembangunan tidak dapat dilaksanakan akibat gagal mendapat persetujuan dan kerjasama sepenuhnya daripada penduduk.

Antara isu utama dihadapi ialah jumlah pampasan yang ditawarkan tidak disersetujui oleh penduduk. Mereka mahu pampasan lebih tinggi. Selain itu isu hak milik tanah yang mempunyai banyak nama sehingga menimbulkan masalah mendapat kata sepakat. Terdapat pula pemilik dalam geran yang sudah meninggal.

Adi yang menyaksikan perkembangan ini dapat merasakan kemelut yang dihadapi oleh kerajaan kerana usaha pembangunan yang dicadang tidak mendapat restu sebahagian besar penduduk. Akibatnya, semua perancangan yang sudah ada gagal untuk dilaksana sedangkan kerajaan

benar-benar mahu menaik taraf Kampung Baru.

Pada masa sama, Adi juga memahami kekecewaan penduduk yang akur dengan pembangunan dan mahu melihat Kampung Baru berubah. Tetapi harapan ini tidak menjadi kenyataan selagi semua penduduk, atau sekurang-kurangnya majoriti besar, tidak bersedia menerima pembangunan.

Isu ini sudah berlanjutan terlalu lama. Ramai yang hidup ketika cadangan pembangunan mula-mula disuarakan sudah tidak ada lagi. Yang muda semakin berusia, yang berumur sudah semakin lanjut umur. Namun harapan menyaksikan perubahan tidak kunjung tiba.

Kerana itu Adi teruja apabila kerajaan kini mengambil langkah tegas untuk meneruskan rancangan pembangunan yang lama tertangguh. Projek Pembangunan Semula Kampung Baru bernilai RM1.2 bilion akan diteruskan selepas majoriti penduduk memberi persetujuan.

Termasuk dalam projek ini ialah membangunkan semula Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di

“*Adi juga memahami kekecewaan penduduk yang akur dengan pembangunan dan mahu melihat Kampung Baru berubah. Tetapi harapan ini tidak menjadi kenyataan selagi semua penduduk, atau sekurang-kurangnya majoriti besar, tidak bersedia menerima pembangunan.*

Jalan Tun Razak. Projek ini akan dilaksanakan oleh Menara Rezeki Properties Berhad, yang merupakan usaha sama Menara Rezeki Sdn Bhd (MRSB) dan Jiankun International Bhd.

Pihak MRSB telah memaklumkan akan mengemukakan kertas cadangan berhubung pembangunan tersebut kepada Pihak Berkusa Tempatan tidak lama lagi. Sebelum itu ia mengadakan perbincangan dengan Jawatan Kuasa Bertindak Flat PKNS mengenai cadangan pembangunan semula berkenaan.

Pembangunan tersebut termasuk mendirikan menara apartment setinggi 52 tingkat, dibina untuk pemilik Flat PKNS kini. Selain itu turut dibina ialah tiga lagi menara merangkumi unit kediaman dan perniagaan. Apabila siap nanti, ia akan menjadi salah satu mercu tanda di Kampung Baru.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) juga mengesahkan, pengambilan tanah bagi Pembangunan Semula di Kampung Sungai Baru, Kampung Baru diteruskan kerana proses berkenaan dilaksanakan dengan sempurna dan majoriti penduduk bersetuju.

Memetik laporan media, Pengarah Tanah dan Galian, Datuk Mohamad Yasin Yahya memberitahu projek pembangunan mendapat persetujuan sebahagian besar penduduk. Perjanjian sudah ditandatangani antara 192 petak rumah pangsa dan 27 unit rumah teres dengan pemaju.

Adi difahamkan, pengambilan tanah sudah sempurna dilaksanakan terhadap 72 petak rumah pangsa. Pengambilan tanah juga dilakukan terhadap pemilik tanah yang tidak menandatangani usaha sama dengan pemaju. Pampasan pula diberi menurut perkiraan yang diberi oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (JPPH).

Menurut Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), jumlah unit yang sudah selesai perolehan tanah dan bersedia untuk pembangunan meningkat kepada 291 unit, terdiri daripada 264 unit flat dan 27 lot teres. Ini berbanding

hanya sejumlah 219 sebelum ini, iaitu 27 lot teres dan 192 flat.

Perkembangan terkini nampak menggalakkan. Semakin ramai penduduk bersetuju dengan konsep pembangunan yang akan dilaksana untuk kebaikan mereka sendiri dan sedia memberi kerjasama. Mereka bakal memperoleh kediaman lebih selesa dan bernilai tinggi. Ini satu anjakan baik berbanding dengan peringkat awal apabila ramai bagi menolak cadangan pembangunan.

Adi menyedari untuk mendapatkan persetujuan seratus peratus agak sukar. Akan ada sahaja yang tidak bersetuju. Namun pandangan majoriti wajar diambil kira, jangan sampai kerana sikap segelintir, keseluruhan projek pembangunan tidak dapat dijalankan.

Kerana itu Adi lebih suka jika semua penduduk memberi kerjasama agar pembangunan berjalan lancar. Lagi cepat dilaksanakan, lagi cepat siap dan lagi cepat penduduk menikmati kehidupan yang lebih selesa dan tersusun.

Jika ada masalah, Adi percaya pintu rundingan sentiasa terbuka dalam usaha mencari penyelesaian menang-menang. Yang penting Kampung Baru mesti dibangunkan. Jangan biar ia terus ketinggalan atau terus terbiar suram. Kampung Baru mesti bangkit mewarnai seri ibu kota. Jangan biarkan ia terpinggir!

**Adi—Masih kerap ke Kampung Baru**

*Adi Taib*

**SAJAK**



**RINGGIT KOTA**

Ringgit kota bagi tersirat ada yang tersembunyi di sebalik mata ada yang turun menjadi rimba berkilaunya di dasar pencarian gerhana di mata pengorbanan.

Ini bukan mengejar cahaya apa lagi angin yang telah surut di siar kaki sebuah pasar raya global bayang-bayang pun meniti ada bentuk-bentuk yang berdiri ringgit bertukar waktu menjadi pelangi dan senja.

Di kota berliku, penuh sarang dan lubang daerah semut dan beburung berlari memintas pemberian pada ringgit yang sering terbang dari bijaknya sebuah rekaan.

Ringgit kota yang tersurat, barangkali, suatu ibarat!

**M. Syazwi  
Langkawi.**

## SKETSA



13 parlimen terima lembu, wang tunai sempena Aidiladha

# YWP sumbang 52 ekor lembu

HAZIRAH HALIM

**B**AGI mengimarahkan sambutan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini, Yayasan Wilayah Persekutuan mengambil kesempatan menyumbang empat ekor lembu kepada setiap 13 bahagian parlimen di Wilayah Persekutuan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata sumbangan itu merupakan inisiatif Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang disampaikan melalui Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) bahagian dan barisan kepimpinan setempat.

"Selaku pihak bertanggungjawab dalam pemberian ini, YWP menyerahkan sumbangan itu kepada MPP dan ketua-ketua bahagian kepimpinan setempat untuk dilaksanakan pada ibadah korban tahun ini dan seterusnya mengedarkan daging korban kepada penduduk."

"Sungguhpun pihak kami hanya memberi empat ekor lembu tetapi



ZAIZALNIZAM

di peringkat parlimen sudah mempunyai jumlah lembunya sendiri dan pemberian ini hanya sebagai tambahan untuk diedarkan kepada penduduk."

"Penyerahan ini juga termasuk pemberian wang tunai sebanyak RM1,000 kepada semua parlimen yang mana ia adalah kos bagi pengurusan kerja seperti upah penyembelihan serta penyewaan peralatan, tempat penyembelihan dan sebagainya," ujar beliau yang bercakap bagi pihak Menteri Wilayah Persekutuan.

Menurut Zaizalnizam, pengagihan lembu-lembu tersebut diserahkan dalam satu Majlis Penyerahan Sumbangan Lembu Korban kepada 13 Bahagian Parlimen di Wilayah Persekutuan yang berlangsung pada 7 Julai lalu di Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Pada tahun ini, YWP hanya menyumbang lembu sahaja dan segala persiapan dari segi lokasi penyembelihan serta tarikh pelaksanaan ibadah korban itu ditentukan oleh MPP bahagian



SAMBUTAN Hari Raya Aidiladha tahun ini jatuh pada 10 Julai 2022 bersamaan 10 Zulhijjah 1443. - Gambar hiasan

masing-masing.

"Diharapkan sumbangan ini sedikit sebanyak membantu MPP dan kepimpinan bahagian dan mengingatkan warga kota tidak bergantung pada nilai dan jumlah sumbangan semata sebaliknya menghayati erti sebenar Hari Raya Aidiladha.

"Sumbangan ini adalah sebagai tambahan untuk pelaksanaan ibadah korban nanti dan saya amatlah berharap agar semua masyarakat tidak bergantung pada nilai dan jumlah yang pihak YWP sumbangkan tetapi lebih kepada erti dan bagaimana konsep Aidiladha dapat diterapkan."



ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000



Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600



Aduan : 087-408852

Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489

"Sama-sama kita menghayati ibadah korban itu sendiri sekali gus sebagai tanda rasa kesyukuran. Erti korban itu adalah amat besar yang juga bermaksud berkorban harta, tenaga, wang dan segalanya kerana Allah SWT," jelas beliau ketika ditemui *Wilayahku* di Menara Yayasan Wilayah Persekutuan, Kampung Baru, pada Isnin.

Dalam masa yang sama, beliau juga masih dalam perbincangan untuk mengadakan sambutan Hari Raya Aidiladha peringkat YWP.

WK

## Tadika Little Caliphs: 15,000 kanak-kanak berpeluang 'naik haji'

SEMPENA bulan haji, Little Caliphs International Sdn Bhd (Little Caliphs) menganjurkan Program Simulasi Haji Cilik Little Hajj 2022 di MAEPS yang disertai 15,000 kanak-kanak serta 780 guru tadika Little Caliphs sebagai tenaga mutawif.

Program yang mendapat sokongan Lembaga Tabung Haji ini melibatkan penyertaan murid berusia enam tahun dari Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya serta beberapa buah negeri di bahagian Selatan, Pantai Timur dan Utara.

Kanak-kanak tersebut berpeluang 'naik haji' dengan melakukan aktiviti tawaf mengelilingi replika Kaabah yang bersaiz 10 kaki tinggi serta aktiviti memakai ihram untuk haji, wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah dan mabit di Mina, saei, melontar jamrah, dan bertahallul.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Roslan Nordin**, apa yang ditekankan oleh Little Caliphs ini adalah semai semangat mahu mengerjakan umrah dari usia kanak-kanak.

"Ini adalah hari yang bersejarah bagi sekumpulan pelajar berumur enam tahun dari tadika-tadika Little Caliphs di seluruh Malaysia yang mengadakan program Little Hajj 2022. Para pelajar dapat belajar cara menunaikan haji yang menyeronokkan.



ROSLAN



AKTIVITI tawaf mengelilingi replika Kaabah.

"Ia sesuai dengan misi Little Caliphs untuk menyuburkan rasa cinta kepada Islam dan ilmu pengetahuan dalam kalangan anak-anak pra sekolah sebagai persiapan awal untuk mereka menjadi hamba Allah, khalifah dan umat Nabi Muhammad SAW yang bertakwa."

"Program ini sekali gus mengajar mereka tentang haji kerana ia berkaitan dengan tunjang kerohanian dalam

kurikulum standard pra sekolah kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia," katanya yang ditemui *Wilayahku* selepas majlis perasmian program tersebut.

Turut hadir pada program Little Hajj 2022 ini ialah Ketua Pegawai Akademik Little Caliphs International Sdn Bhd, Datin Hajah Sabariah Faridah Jamaludin dan Pengurus Akademi Sinergi Ikhlas Sdn Bhd selaku perasmian program iaitu Fazrul Ismail.

Menurut Roslan lagi, program ini adalah salah satu cara mendidik



KANAK-KANAK teruja pergi haji.

anak-anak membesarkan Allah dan memuliakan Nabi Muhammad SAW.

"Dalam masa yang sama kita yakin bahawa Allah letakkan kejayaan kepada semua manusia bergantung kepada sejauh mana taat kepada perintah Allah ikut cara Nabi Muhammad SAW."

"Jadi anak-anak yang belajar di Little Caliphs ini diperkenalkan kepada kebesaran Allah dan kemuliaan Sunnah Nabi Muhammad SAW."

"Program Little Hajj ini adalah salah satu contoh yang kita

perkenalkan perintah Allah dengan cara yang menyeronokkan lagi berkesan. Secara tak langsung, apa yang dipelajari itu terpaht dalam memori mereka," ujar beliau.

Dalam pada itu, Little Caliphs bercadang untuk membuka antara 30 hingga 50 cawangan tadika setiap tahun dalam usaha meluaskan pasarnya di seluruh negara termasuk di pasaran antarabangsa.

"Kami kini memiliki tiga buah cawangan tadika di Indonesia dan bakal membuka sebuah cawangan sulung di Thailand pada suku keempat tahun ini," katanya. WK

REALITI KEHIDUPAN



8 - 14 JULAI 2022 • Bil 172

Wilayah Ku

# PHSKL lebih selesa kepada peniaga, pengunjung

**B**ANGUNAN baharu Kompleks Pasar Harian Selayang Kuala Lumpur (PHSKL) yang mulai beroperasi sejak 1 Jun 2021 yang lalu adalah nadi utama kepada masyarakat di Lembah Klang untuk mendapatkan sumber makanan.

Kompleks yang bernilai RM90 juta itu dibiayai Kerajaan Persekutuan ini menampilkan reka bentuk yang lebih moden berspesifikasi *Universal Design MS1184* dilengkapi ciri-ciri baharu bertepatan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) seperti yang disasarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata sebagai bandar raya yang komited ke arah dasar SDGs, PHSKL ini dilengkapi dengan beberapa ciri iaitu Sistem Solar Photovoltaic (PV).

“Sistem itu bagi menyokong kepada usaha kelestarian tenaga dan dalam mengurangkan isu pemanasan global yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan sumber tenaga elektrik.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





AZLAN ZAMBRY

**DARI MUKA 9**

Selain itu, antara ciri lain yang terdapat dalam PHSKL adalah *Rain Water Harvesting* iaitu takungan air hujan diguna semula oleh DBKL bagi tujuan penyelenggaraan bangunan dan penyiraman tanaman di sekitar pasar,” katanya dalam ucapan perasmian PHSKL pada Jumaat.

Menurut Shahidan, pasar yang mempunyai empat tingkat ini memuatkan sebanyak 673 gerai peniaga secara tersusun.

“Bahan-bahan basah, runcit, sejuk beku dan buah-buahan ditempatkan di aras G, yang lengkap dengan kemudahan seperti bilik pemprosesan ais untuk pembuatan ais (*snow ice*), dua buah bilik sejuk beku dan *chiller room* bagi kegunaan peniaga.

“Manakala aras satu pula

dikhaskan untuk sayur-sayuran, aras dua ialah medan selera dengan 20 gerai makan, manakala aras tiga dan empat adalah tempat letak kereta,” katanya.

PHSKL ini juga dilengkapi dengan loji rawatan air bagi pengurusan sisa air pasar yang disalurkan ke sistem perparitan awam. Sistem perparitan dan rawatan air yang berkesan ini membolehkan tahap kebersihan pasar dan keselesaan pengunjung dapat dikekalkan.

Ia turut dilengkapi tempat letak kereta yang berkapasiti 641 petak dan 269 tempat letak motosikal bagi memudahkan pengunjung ke pasar ini dan secara tidak langsung ia juga meningkatkan aktiviti ekonomi di pasar tersebut.

Reka bentuk PHSKL bercirikan sangat ini juga menyediakan persekitaran infrastruktur dan memberikan akses serta memenuhi keperluan semua pengguna termasuk

golongan kelainan upaya (OKU) serta dilengkapi lif dan eskalator bagi memudahkan pengunjung khususnya warga emas.

Bagi memudahkan para peniaga, pasar ini juga turut menyediakan bilik pemprosesan ais untuk pembuatan ais (*snow ice*) bagi kegunaan peniaga yang menjual barang basah serta dua bilik beku bagi membolehkan penyimpanan barang mentah.

Sebagai pentadbir PHSKL, DBKL tidak mengabaikan aspek keselamatan dan ia juga dilengkapi dengan sembilan unit kamera litar tertutup (CCTV) di luar bangunan dan 30 unit CCTV

di dalam bangunan yang dikawal dari pusat kawalan (Kuala Lumpur Command & Control Centre (KLCC).

PHSKL juga mempunyai susun atur ruang perniagaan yang lebih sistematik dan juga ruang punggah (*loading bay*) untuk kemudahan peniaga.

Antara kemudahan lain yang turut dibina adalah sebuah sebuah jeambat yang menghubungkan Jalan Ipoh ke Pasar Harian yang siap dibina pada Mac 2022 lalu bagi menangani kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar.

Projek penaiktarafan yang telah siap sepenuhnya ini

terbahagi kepada dua fasa. Ianya dapat mengurangkan kesesakan trafik yang tinggi khususnya pada waktu puncak melalui pelebaran lorong di Jalan Selayang Baru, Jalan Ipoh dan pembinaan *flyover u-turn* serta *flyover* susur masuk ke PHSKL dengan jarak keseluruhan jajaran sepanjang 3.12 kilometer.

Jeambat ini boleh menampung muatan sehingga lima tan dan panjang sejauh 350 meter, dapat mempercepatkan tempoh masa ke pasar moden ini dalam masa 30 saat sahaja berbanding sebelumnya melebihi 10 minit di waktu kemuncak. **W.K**



**MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (kanan) mendengar penerangan mengenai perkembangan semasa di PHSKL Jumaat lalu.**

# Peniaga gembira, tetapi....

**M**ESKIPUN ditempatkan di kompleks pasar baharu yang serba moden, namun bagi peniaga, mereka gembira namun dalam masa sama mengharapkan ada penambahbaikan bagi membantu mereka memperoleh pendapatan yang lebih baik berbanding waktu ini.

Peniaga ayam segar, **Azlan Aziz**, 41, berkata kompleks pasar baharu ini sememangnya cantik dan moden, namun kehadiran pengunjung sangat rendah sehingga menyebabkan perniagaannya kini hanya cukup-cukup makan sahaja.

“Kalau hendak dibandingkan ketika berniaga di tempat yang lama memang jauh beza. Kalau dahulu, sehari saya mampu menjual secara purata 600 kilogram (kg) ayam segar sehari.

“Sejak berpindah ke tempat ini pada 1 Jun 2021 yang lalu, hendak menjual 100 kg atau lebih 50 ekor ayam pun



AZLAN

ATHILETCHUMI

agak sukar kerana mungkin pengunjung malas hendak berjalan atau menaiki tangga bergerak untuk membeli,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Ber cerita lanjut, Azlan yang telah menjalankan perniagaan sejak tahun 2004 menjelaskan, aduan mengenai keadaan ini telah pun dilontarkan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) namun tiada sebarang maklum balas yang diterima.

“Sebagai contoh, memang keadaan dalam kompleks ini baru dan bersih berbanding kompleks yang lama, namun laluan di dalam kawasan pasar

ini licin dan pernah beberapa pengunjung terutama warga emas tergelincir menyebabkan mereka serik hendak ke pasar.

“Malah ada juga yang malas hendak naik ke tingkat atas untuk ke tempat sayur-sayuran dan ini menyebabkan peniaga terlibat terjejas kerana keadaan tersebut,” katanya.

Tambahnya, bukanlah golongan peniaga sepertinya

tidak bersyukur, namun pada masa sama pihaknya memohon supaya pihak DBKL mencari alternatif untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Bagi peniaga sayur-sayuran **Athiletchumi Rajamanikam**, 65, pula berkata keadaan pasar baharu yang moden ini tidak memberi kelebihan sekiranya peniaga terpaksa menanggung kerugian setiap hari kerana kekurangan pelanggan.

“Saya telah 30 tahun menjalankan perniagaan sayur-sayuran ini dan telah berpindah lebih dari empat lokasi. Namun perpindahan ini lebih teruk kesannya kepada saya kerana

ia tidak boleh mendapatkan kembali modal harian,” katanya.

Jelas Athiletchumi, beliau juga kehilangan pelanggan tetap kerana faktor lokasi dan reka bentuk setiap petak yang didirikan tembok dan menghalang pandangan peniaga dan pelanggan.

“Kalau kita ke pasar, sama ada pasar tani, pasar malam atau pasar harian yang lama, dari luar pelanggan boleh melihat barang yang dijual, namun reka bentuk ini yang mempunyai tembok telah menghalang pandangan dan ia menyulitkan lagi keadaan,” katanya. **WK**



BEBERAPA penambahbaikan perlu dibuat supaya dapat menarik lebih ramai pengunjung ke PHSKL.


# Kompleks pasar lebih sistematik, bersih

**K**OMPLEKS Pasar Harian Selayang Kuala Lumpur (PHSKL) yang menelan belanja kira-kira RM90 juta yang siap dibina pada tahun 2021 lalu menampilkan ciri dan reka bentuk moden sesuai dengan taraf bandar raya yang dimiliki Kuala Lumpur.

Kawasan persekitaran yang lebih bersih, sistem perairan yang baik dan mempunyai semua kemudahan ini memberikan pengalaman

yang baik kepada pengunjung yang mahu mendapatkan barang keperluan harian dengan harga patut.

**Badrul Hisham Bidin**, 55, berkata beliau dan isterinya menjadikan PHSKL sebagai lokasi utama untuk mendapatkan barang makanan sejak sekian lama kerana harganya agak murah berbanding pasar



BADRUL HISHAM

SIEW WAH

mini serta mempunyai banyak pilihan.

“Saya mula berbelanja di

PHSKL sejak dua puluh tahun lalu. Ketika itu ia masih lagi di tapak lama dan keadaannya agak bersepadu dan kotor.

“Berbanding kawasan ini, ia lebih bersih, selesa dan kurang bau yang tidak menyenangkan dan kedudukannya juga lebih teratur,” katanya kepada *Wilayahku*.

Badrul Hisham berkata, kompleks ini lebih baik berbanding pasar sebelumnya kerana semua keperluan

diletakkan di bawah satu bumbung.

“Jika dahulu, hendak parkir kereta agak sukar kerana ia tidak diperuntukkan kawasan yang sesuai sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas kerana pengunjung terpaksa meletakkan kenderaan di bahu jalan.

“Sekarang ini, lot parkir turut disediakan. Malah jalan baharu yang menghubungkan pasar di tingkat tiga juga menyenangkan pengunjung di samping kawasan median selera juga ada untuk keperluan semua,” katanya.

Bagi **Siew Wah**, 64, pula menyifatkan kompleks pasar baharu yang lebih moden dan selesa ini memerlukan beberapa penambahbaikan untuk keselamatan orang ramai.

“Saya lihat semuanya baru dan cantik, namun perlu berhati-hati kerana lantai agak licin dan boleh menyebabkan tergelincir.

“Selain itu, ada eskalator tidak berfungsi dengan baik dan ini menyebabkan golongan berusia sukar untuk menaiki tangga,” katanya. **WK**



PERSEKITARAN yang lebih bersih dan sistematik memberi keselesaan kepada pengunjung.





**TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Polis Kuala Lumpur, YDH CP Datuk Azmi Abu Kassim di Pejabat Ketua Polis Kuala Lumpur baru-baru ini.**



**AHLI Parlimen Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor menyampaikan beg sekolah dan wang tunai sempena Bantuan Khas Persekolahan Sumbangan YWP.**



**SERAMAI 200 orang kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari pelbagai peringkat menyertai Program Low Carbon Treasure Hunt 2022 sempena Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di sekitar pusat bandar raya. Gambar - Fairuz Mustaffa**

# Mahkamah perintah Ira Kazar jauhi Puteri Sarah



DEEL ANJER

**W**ANITA yang didakwa kekasih kepada pengarah dan pelakon Syamsul Yusof iaitu Ira Kazar perlu memasukkan pembelaannya dalam saman dikemukakan Puteri Sarah dalam tempoh masa sebulan.

Perkara itu dimaklumkan peguam, Datuk Akberdin Abdul Kader yang mewakili Sarah selaku plaintif selepas pengurusan kes di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Rofiah Mohamad pada Isnin.

"Mahkamah sudah arahkan pihak defendant (Ira) untuk memasukkan pembelaan dalam masa satu bulan.

"Jika perlu jawab, kita (plaintif) akan jawab, jika tidak

mahkamah akan tetapkan tarikh bicara," katanya ketika ditemui pihak media di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur pada Isnin lalu.

Menurutnya lagi, mahkamah kemudian menetapkan 23 Ogos ini untuk pengurusan kes seterusnya.

Dalam pada itu, peguam itu juga memaklumkan mahkamah turut mengekalkan perintah interim injuksi.

Antaranya defendant diperintah berhenti mengeluarkan, menyebarkan dan menghantar sebarang kenyataan atau apa sahaja bentuk gangguan terhadap Sarah dalam media sosial sehingga kes perbicaraan penuh.

"Pihak defendant tidak membantah dan perintah interim injuksi itu dikekalkan

mahkamah," katanya. Sementara itu ketika ditanya sama ada kes saman ini berkemungkinan akan diselesaikan secara baik, peguam berkata setakat ini kedua-dua pihak belum lagi ke arah itu.

"Sekiranya ada inisiatif (selesai cara baik) kita tengok dulu.

"Kita bukan *arrogant*, asalkan tawaran itu logikal kita akan pertimbangkan selepas mendapat arahan anak guam (Sarah)," jelasnya.

Dalam prosiding tersebut, Sarah dan Ira tidak hadir, hanya mewakilkan peguam masing-masing.

Terdahulu, pergolakan rumah tangga Sarah dan Syamsul itu berlarutan sejak empat tahun lalu selain Sarah mengesahkan tidak lagi tinggal sebumbung

dengan Syamsul gara-gara gangguan orang ketiga.

Sarah sebelum ini

mendedahkan Ira berterusan mengganggunya sejak tahun 2019 lagi, dengan menggunakan akaun media sosial palsu.

Sebelum ini, tular dalam media sosial yang mengatakan pengarah filem Mat Kilau itu sudahpun berkahwin dengan Ira, namun dinafikan Syamsul.

WK



## "Jangan fitnah, kami hanya kawan" – Awie

**BERKAWAN** pun susah, kalau bermusuh lagi susah. Itulah diibaratkan situasi yang sedang dihadapi bekas pasangan kekasih popular Erra Fazira dan **Datuk Awie**.

Mana tidaknya, kedua-dua pelakon filem Sembilu ini didakwa kyonnya kembali menjalinkan hubungan cinta walaupun umum mengetahui mereka berkawan baik.

Sedangkan kedua-duanya sudah pun melupakan kisah percintaan mereka, malah sentiasa bersikap profesional dalam kerjaya.

"Kami berkawan, bercinta, bertunang dan putus. Bila putus macam-macam orang kata. Tak bertegur sapa sampai lapan tahun.

"Saya fikir sampai bila nak teruskan macam ni, sampai bila orang nak

menundung jari dan memfitnah fasal kami. Mereka salah.

"Manamana

yang sempat nak minta maaf tu datang cepat kepada kami. Jangan jadikan fitnah sebagai makanan. Isteri saya pun tahu hubungan kami macam mana dan dia tidak ada masalah, sangat sokong tentang kerjaya kami," kata Awie.

Menurut penyanyi rock lagenda itu, isterinya, Datin Sharifah Ladyana Syed Samsuddin juga tidak cemburu apabila dia sering menjalinkan kerjasama dengan primadona filem Melayu, Erra Fazira sejak kebelakangan ini.

Awie berkata demikian dalam sidang media Konser Romantika yang diadakan di Hotel Royal Chulan Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Konser Romantika yang menampilkan Awie dan Erra itu bakal diadakan di Sabah International Convention Centre pada 20 Ogos depan.



## "Memang sekarang trend bercinta dengan suami orang eh?" – Fizi Ali

**KECOH** dan menjadi perbualan hangat netizen apabila penyampai radio Suria FM, **Fizi Ali** menerusi IG Story mencetuskan isu 'bercinta dengan suami orang' dan 'perampas'.

Ramai yang berteka-teki status berkenaan ditujukan kepada siapa. Ada yang membuat andaian kyonnya Fizi menujukan status tersebut kepada bekas isterinya yang juga pelakon, Shakilla Khoriri.

Dalam muat naiknya itu, Fizi atau nama sebenarnya Mohd Hafizudin Alimudin, 33, mempersoalkan sekiranya kini 'musim' golongan wanita menjalin hubungan cinta dengan suami orang.

"Memang sekarang trend bercinta dengan suami orang eh? Takutnya," tulis Fizi.

Dalam status yang berasingan, Fizi memberi bayangan tentang seorang 'perampas' yang tidak pernah insaf.

"Ingatkan dah insaf. Sambung balik tu. Haish, tahniah la si perampas, sesuai la dedua tu perampas," kata Fizi lagi.

Untuk rekod, Fizi dan Shakila mendirikan rumah tangga pada 18 Februari 2018 namun bercerai tiga tahun selepas itu.

Hasil perkahwinan berkenaan, mereka dikurniakan seorang anak perempuan Nurul Ameena Sofia yang kini berusia tiga tahun.



# Hidangan laut segar di Putrajaya Seafood Restaurant



DIANA AMIR

**M**ENIKMATI juadah sambil berlatarbelakangkan pemandangan indah tasik dan Jambatan Seri Perdana pastinya menjanjikan pengalaman romantik bagi pengunjung Putrajaya Seafood Restaurant (PSR).

Menariknya, PSR merupakan 'syurga' bagi penggemar makanan laut segar yang menawarkan pelbagai pakej menu berkonsepkan masakan cina moden di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan ini.

Terletak di Taman Botani, PSR menghimpunkan pelbagai hidangan lauz selain turut menawarkan pakej menu yang boleh disesuaikan mengikut bajet individu atau kumpulan yang datang.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Convention & Exhibition Putrajaya Sdn Bhd, **Mahmad Anuar Othman**, pihak PSR kebiasaannya akan bertanya terlebih dahulu berkenaan bajet pelanggan untuk menentukan pakej menu yang akan ditawarkan.

"Kita akan tawar mengikut keselesaan pelanggan dan berusaha untuk tidak mengecewakan mereka yang ingin menikmati makanan laut segar," ujar beliau yang mana pelanggan sanggup membayar harga premium untuk makanan laut yang dihidangkan.

Antara hidangan yang menjadi

pilihan pelanggan di restoran yang memiliki pemandangan menakjubkan pada waktu malam ini adalah *chilli crab*, *steam garupa lime garlic*, *butter prawn* dan *salted crab egg*.

"Kita ada tiga pakej utama iaitu Set A, Set B dan Set C yang terdiri daripada sembilan jenis hidangan makanan bermula harga RM988 untuk minimum 10 orang," ujar beliau menjelaskan harga masih sama meskipun terdapat kenaikan harga barang mulai 1 Julai lalu.

Kongsinya kepada *Wilayahku*, tarikan yang terdapat di PSR adalah ketika waktu malam apabila pelanggan berpeluang menikmati panorama indah Kompleks Seri Perdana yang dihiasi lampu.

Sama seperti restoran yang terdapat di luar sana, PSR turut menawarkan pakej bagi mereka yang ingin meraikan hari jadi, mesyuarat, minum petang atau sebarang majlis keraian yang lain.

"Terbaharu kita ada buat majlis aspersasi sekolah, kementerian, pertunungan dan juga minum petang. Bagi setiap majlis, anggaran yang akan dikenakan adalah RM45 seorang dan minimum 20 hingga ke 30 orang," ujar beliau.

Turut berkongsi perancangan PSR pada masa akan datang, Mahmad Anuar berkata PSR akan mengadakan kolaborasi dengan pihak hotel dalam mempromosikan restoran tersebut kepada pelancong



MAHMAD ANUAR

luar.

"Kita ada kolaborasi dengan pihak Hotel Pulse Grande di mana *flyers*, bunting telah diletakkan bagi pembacaan mereka yang menginap di sana. Bagi tetamu Hotel Pulse Grande juga kita menawarkan diskon sebanyak 10 peratus sekiranya mereka datang makan di PSR ini yang mana tawaran ini sudah bermula sejak bulan Jun yang lalu.

"Selain itu, kita juga akan menambah lebih banyak papan tanda PSR di hadapan pintu Taman Botani sehingga ke hadapan kedai ini bermula bulan hadapan.

Sementara itu, tahun hadapan pula, kita akan menerima kembali ejen pelancongan yang membawa rombongan dari Korea, Jepun, Taiwan dan China menikmati makanan laut segar di sini," kata beliau.

## TAMBAH BAIK FASILITI

BARU sahaja beroperasi semula, premis ini pernah ditutup selama lebih satu tahun untuk kerja penambahbaikan dari segi fasiliti dan kualiti makanan khas buat kepuasan pelanggan.

"Pada tahun 2021 telah berlaku kebocoran dan disebabkan itu kita tutup untuk lakukan pengubahsuaian bumbung, penggantian lantai konkrit kerana sebelum ini banyak aduan berkaitan haiwan perosak memandangkan

lokasi kita di tepi tasik.

"Selain itu, kita juga melakukan pertukaran peralatan dapur. Dari segi menu pula, kita masih kekal konssep yang sama namun fokus akan diberikan terhadap kualiti serta kebersihan," kongsinya. **W.K**

## Info PSR

**Waktu operasi:** 11 AM - 2.30 PM dan 6 PM - 10 PM

**Lokasi:** Taman Botani Putrajaya, Presint 1, 62000 Putrajaya

**No telefon:** 03-8889 1188 atau 016-609 9650 (untuk tempahan)

**Media sosial:**

Facebook/ Instagram: **Putrajaya Catering Services**



STIR Fried Green Dragon Vegetable with Scallops.



STIR Fried Beef with Black Pepper.



TIGER Grouper Spicy Lime Sauce.



MUD Crab with Salted Egg Yolk.



PRAWN with Oats.



PELANGGAN berpeluang menikmati makanan laut sambil menghadap panorama di tepi tasik Taman Botani.



AINI MAWAWI

**B**IARPUN majoriti masalah kesihatan mulut tidak mengancam nyawa namun tahap kesihatan mulut yang buruk boleh menjasakan kualiti hidup seseorang dari pelbagai segi yang tidak disangka.

Antaranya adalah sakit oro-muka (orofacial) dan gigi, kesukaran untuk makan, menjasakan pertuturan, hilang keyakinan diri, aktiviti sosial yang terhad serta paling menakutkan ia turut memberi kesan ke atas prospek pekerjaan.

Menyedari peri pentingnya kesihatan pergigian, maka pada tahun 1999, Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan Rancangan Kesihatan Pergigian Kebangsaan atau National Oral Health Plan (NOHP).

Bagi merealisasikan NOHP, maka kaji selidik kebangsaan kesihatan mulut dewasa (National Oral Health Survey Of Adults) perlu dijalankan sebagai kayu pengukur rancangan tersebut.

Kaji selidik ini dijalankan setiap 10 tahun sekali dan pada tahun 2020, Program



FARHA

# 1,408 warga Putrajaya bakal terima pemeriksaan gigi percuma hingga September



KUMPULAN yang giat menjalankan kaji selidik NHMS 2020: NOHSA 2020.

Kesihatan Pergigian (PKP) dan Institut Kesihatan Umum (IKU), Kementerian Kesihatan Malaysia sekali lagi menjalankan kaji selidik National Health And Morbidity Survey 2020 : National Oral Health Survey Of Adults 2020 (NHMS 2020: NOHSA 2020).

Objektif utama kaji selidik ini adalah untuk memperolehi maklumat status kesihatan pergigian serta impak kesihatan pergigian ke atas kualiti hidup dalam kalangan warganegara Malaysia yang berumur 15 tahun dan ke atas.

Namun NHMS 2020: NOHSA 2020 ketika itu terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya akibat pandemik COVID-19 yang melanda dunia tidak terkecuali juga di Malaysia. Kini,

setelah peralihan ke fasa endemik, maka kaji selidik tersebut kembali dijalankan bermula Jun 2022.

Di Wilayah Persekutuan Putrajaya, sebanyak 704 buah rumah telah dipilih secara rawak oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melibatkan seramai 1,408 responden yang berumur 15 tahun dan ke atas.

Menurut Pegawai Pergigian Daerah Putrajaya yang juga merangkap Penyelaras Negeri Kaji selidik Putrajaya, **Dr Farha Gimat**, kaji selidik tersebut bermula dengan aktiviti tinjauan pada bulan Jun 2022 serta diikuti dengan aktiviti pengumpulan data yang dijangka berakhir pada September 2022.

"Aktiviti rumah ke rumah oleh pasukan penyelidik Pejabat Kesihatan Pergigian Putrajaya ini dianggotai oleh lima orang anggota KKM yang diketuai oleh seorang Pegawai Pergigian telah pun dijalankan bermula pada 13 Jun 2022.

"Seterusnya pengumpulan data akan dimulakan dengan satu sesi temu ramah yang akan



STATUS kaji selidik NOHSA 2020.

dikendalikan sama ada oleh seorang Pegawai Pergigian, Juruterapi Pergigian atau Pembantu Pembedahan Pergigian dan diikuti oleh pemeriksaan kesihatan mulut yang akan dijalankan oleh Pakar Pergigian atau Pegawai Pergigian," ujar beliau.

Sehingga kini sebanyak 688 rumah kediaman telah dilawati dengan 421 yang bersetuju untuk menyertai kaji selidik ini yang menjadikan seramai 1,002 responden iaitu sebanyak 71% daripada sasaran.

**“Menyedari peri pentingnya kesihatan pergigian, maka pada tahun 1999, Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan Rancangan Kesihatan Pergigian Kebangsaan atau National Oral Health Plan (NOHP).**



FARHA (dua kanan) menyerahkan risalah kepada Ketua Polis Daerah Putrajaya, ACP A. Asmadi Abdul Aziz.



ANTARA anggota yang melakukan tugas kerumah.

"Ini kerana semasa aktiviti ke rumah terdapat rumah yang tidak berpenghuni dan berkunci. Jadi, kami sangat berharap agar penduduk di Putrajaya dapat menyertai kaji selidik ini kerana ia dapat membantu dalam perancangan perkhidmatan kesihatan pergigian pada masa akan datang.

"Penyertaan dalam kaji selidik ini sangat penting kerana seorang responden mewakili empat ribu penduduk," ujar beliau kepada **Wilayahku**. **WK**

# Hapus hukuman mati mandatori: Bersediakah kita?



**PROF MADYA DR SITI ZUBAIDAH ISMAIL**

**L**ANGKAH kerajaan memansuhkan status mandatori bagi hukuman mati kesalahan-kesalahan tertentu menerima pelbagai reaksi. Pihak yang menyokong mengatakan bahawa ia tidak lagi mengikat hakim, sebaliknya memberi kebebasan untuk membuat pertimbangan menyeluruh berdasarkan kes yang dihadimi. Hakim wajar mempertimbangkan hukuman lain selain hukuman mati seperti penjara seumur hidup. Keluarga mangsa pula, ada yang tidak puas hati dengan keputusan kerajaan kerana merasakan keadilan tidak ditegakkan selagi mana pembunuhan tidak dikenakan hukuman mati, iaitu hukuman yang setimpal kerana nyawa patut dibalas dengan nyawa. Ada juga keluarga mangsa memaafkan pembunuhan dan tidak mahu penderitaan mereka dialami oleh keluarga pembunuhan, namun pesalah tetap perlu dikenakan hukuman.

Penyokong pemansuhan hukuman mati pula mengatakan hukuman itu gagal mengekang masyarakat dari melakukan jenayah, tidak memuaskan hati mangsa dan tidak membawa kebaikan kepada masyarakat. Ada yang mendakwa kesalahan pembunuhan tetap berlaku biarpun hukuman mati dilaksanakan.



Malah ada yang berpendapat hukuman mati adalah satu bentuk penyeksaan. Menurut laporan, terdapat sejumlah 1,342 orang banduan akhir yang sedang menunggu hukuman mati. 905 daripadanya adalah kes dadah, 403 adalah bagi kesalahan membunuhan. Selebihnya adalah kes-kes lain.

Walaupun dijatuhi hukuman mati, banduan tidak segera dijatuhi hukuman, sebaliknya perlu menunggu bertahun-bertahun termasuk menunggu rayuan dan pengampunan daripada Lembaga Pengampunan.

Penantian ini memberi kesan kepada kesihatan mental, fizikal dan psikologi menyebabkan timbul perdebatan tentang ketidakadilan dan isu hak asasi banduan. Soal pasca-hukuman mati ini juga wajar dilihat dengan lebih serius dalam membincangkan keperluan hukuman alternatif.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen

dan Undang-Undang) juga mengumumkan bahawa hukuman ganti termasuk *diyat* iaitu ganti rugi kewangan menurut Islam juga akan dikaji dengan lebih lanjut jika ia sesuai dilaksanakan. Perlu difahami bahawa *diyat* hanya terpakai bagi kes melibatkan kematian sahaja. *Diyat* merupakan hukuman ganti bagi kes sengaja membunuhan. Ia adalah hukuman asal bagi kes membunuhan secara tidak sengaja dan separa-sengaja.

Sebagai hukuman ganti, *diyat* berperanan apabila qisas tidak dapat dilaksanakan kerana tidak memenuhi syarat. Nilai *diyat* amat tinggi dan ia bukan harga nyawa. Ia adalah ganti rugi yang dikenakan atas kesudian waris mangsa memaafkan atau berdamai dengan pembunuhan.

*Diyat* bukanlah wang mudah yang boleh membeli kebebasan pembunuhan yang berharta. Kalau berharta sekalipun, tetapi kemaafan tidak diberikan, maka hukuman

asal mesti dikenakan menurut undang-undang iaitu sama ada hukuman mati atau penjara. Semua itu bergantung kepada bagaimana kematian berlaku. Di sini faktor kemaafan memainkan peranan. Waris berhak memaafkan pesalah dan menuntut diganti *diyat*. Justeru, peranan keluarga mangsa perlu dimasukkan dalam sistem perbicaraan di mahkamah.

Justeru, bagaimana kaedah *diyat* boleh diintegrasikan ke dalam undang-undang? Terlebih dahulu, sistem pengampunan perlu diwujudkan bagi membolehkan waris mangsa dilibatkan dalam pembuatan keputusan terhadap pembunuhan. Kaedah mengenai pengampunan, jumlah *diyat*, mekanisme pembayaran, komposisi waris dan sebagainya perlu digubal.

Tiga pilihan hukuman diberikan setelah pesalah disabitkan iaitu:

1. Keluarga mangsa boleh memaafkan dan menuntut *diyat* dibayar oleh pesalah yang telah disabitkan, jika dia mampu membayarnya secara ansuran atau secara penuh.

2. Keluarga mangsa boleh memaafkan dan menyerahkan kepada hakim untuk menjatuhkan hukuman menurut undang-undang yang ada selain hukuman mati.

3. Keluarga mangsa boleh jika mahu hukuman mati dikenakan menurut undang-undang. Mengenai nilai *diyat* pula, rujukan dibuat kepada surat Nabi Muhammad SAW kepada Gabenor Yaman, Muaz ibn Jabal. Baginda mengutuskan senarai dan kadar *diyat* bagi kehilangan nyawa dan

kecederaan diri. Kadar *diyat* penuh bagi pembunuhan adalah sama ada 100 ekor unta, 1,000 dinar emas atau 10,000 dirham perak. Jika mengambil kira nilai bagi 1,000 dinar emas hari ini, standard yang dipakai ialah nilai emas 22 karat (emas 916). Berat satu dinar adalah 4.25 gram. Jika satu gram emas hari ini bernilai RM300 maka satu dinar emas seberat 4.25 gram adalah menyamai RM1,275. Justeru kadar 1,000 dinar boleh mencecah RM1,275,000. Walau bagaimanapun, cendekiawan pelbagai bidang di Malaysia boleh membuat ijihad mengenai jumlah *diyat* ini dengan mengambil kira faktor ekonomi, kewangan dan sebagainya. Rujukan juga boleh dibuat kepada *Compendium for Personal Injuries Awards 2014*.

Sebagai contoh, kadar *diyat* di Arab Saudi adalah 500,000 riyal, manakala di Oman adalah 150,000 riyal.

Walaupun *diyat* diperuntukkan sebagai ganti, tidak semua pesalah akan mampu membayarnya untuk mendapatkan pembebasan kerana nilainya yang amat tinggi. Jika waris mangsa mahu pembunuhan dihukum dengan hukuman yang setimpal selain hukuman mati, maka boleh jadi kebanyakan pembunuhan akan meringkuk dalam penjara sepanjang hayat.

**Beliau merupakan Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di szubaida@um.edu.my.**

## Banyakkan program di masjid dan surau sempena bulan Zulhijjah

**DATUK MOHD AJIB ISMAIL**

**D**ALAM kalender Islam, bulan Zulhijjah merupakan salah satu daripada empat bulan haram yang dimuliakan oleh Allah SWT, di samping tiga bulan Islam yang lain iaitu bulan Zulkaedah, Muharam dan Rejab. Antara peristiwa terbesar dalam bulan Zulhijjah adalah ibadah haji dan korban yang disyariatkan ke atas umat Islam terutamanya bagi golongan yang berkemampuan sebagai lambang ketatahan kepada perintah Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Quran surah al-Hajj ayat 34 yang bermaksud: "Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaan-Nya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepada-Nya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat."

Di Wilayah Persekutuan, semua masjid dan surau dibenarkan untuk melaksanakan ibadah

korban bermula selepas selesai menuaikan solat sunat Aidiladha pada 10 Zulhijjah dan hari-hari tasyriq iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah 1443H sebelum berakhir waktu Asar. Walau bagaimanapun masjid, surau dan mana-mana pihak yang melaksanakan ibadah penyembelihan haiwan korban hendaklah mematuhi peraturan atau ketetapan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan dan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) bagi memastikan kemaslahatan semua pihak sentiasa terpelihara. Kebenaran tersebut adalah selaras dengan situasi semasa negara yang kini berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik. Pada tahun ini, umat Islam juga kembali berpeluang menuaikan ibadah haji di Makkah al-Mukarramah setelah dua tahun hasrat tersebut tertangguh akibat pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Kuota haji yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada Malaysia bagi musim haji tahun ini berjumlah 14,306 orang jemaah. Antara amalan yang dianjurkan pada 10 hari terawal bulan Zulhijjah adalah seperti memperbanyakkan bertaubat dan beristighfar, membaca



Al-Quran, berpuasa, qiamullail, bersedekah, berzikir dan berselawat, memelihara silaturahim, berbakti kepada kedua-dua ibu bapa dan solat berjemaah di awal waktu. Amalan berdoa untuk mendapatkan kebaikan di dunia dan akhirat serta berzikir dengan bertashbih, bertahmid dan bertakbir adalah selari dengan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 200-201 yang bermaksud: "Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati Allah (dengan membesar-kan-Nya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-

melakukan amalan-amalan sunat yang lain. Berpuasa sunat Arafah dianjari pahala yang sangat besar, sebagaimana maksud sebuah hadis daripada Abu Qatadah al-Anshari RA, Rasulullah SAW ditanya tentang berpuasa di Hari Arafah. Maka Baginda bersabda: "la menebus dosa setahun yang telah lalu dan setahun yang akan datang." (Riwayat Muslim)

Justeru masjid dan surau khususnya di Wilayah Persekutuan boleh menganjurkan program dan aktiviti seperti majlis iftar, qiamullail, infaq dan sedekah, zikir dan selawat serta pelbagai lagi sebagai pengisian yang bermanfaat kepada masyarakat. Selain menggalakkan ahli kariah masjid dan surau masing-masing merebut peluang bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah SWT dalam bulan Zulhijjah, aktiviti tersebut juga dapat menyokong usaha yang berterusan dalam mengimarahkan masjid dan surau lebih-lebih lagi setelah pelbagai kelonggaran kembali diberikan menuju fasa endemik.

**Penulis merupakan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).**

# LISC buatkan Labuan kembali diingati



KHAIRUL IDIN

**S**ETELAH dua tahun pengajuran Labuan International Sea Challenge (LISC) ditunda akibat pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia, kini pengajuran sukan laut berprestij kali ke-24 itu kembali diadakan tahun ini.

LISC merupakan sukan tahunan yang diadakan di Pulau Bebas Cukai ini sejak tahun 1997 menonjolkan Labuan di peringkat antarabangsa berikutnya penyertaan asing, terutamanya dalam Kejohanan Memancing Antarabangsa Rolex IGFA Labuan.

Pengajuran selepas pasca pandemik itu telah menjadikan Pulau Labuan kembali diingati dengan kehadiran 10,000 pengunjung dari Tanah Besar Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Sebanyak 10 acara diadakan LISC yang terdiri daripada tiga acara utama dan tujuh acara sokongan.

Antaranya, pertandingan memancing laut dalam yang menarik penyertaan tertinggi



ANTARA sukan dianjurkan adalah Pertandingan Sukan Ragbi Pantai dan Sprint Kayak Challenge yang disertai lebih 100 peserta dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

ialah sebanyak 55 pasukan, selain dua pertandingan berkayak iaitu Sprint Kayak Challenge dengan jarak 300 meter dan juga Pulau Papan Kayak Challenge sejauh tujuh kilometer.

Menurut Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, **Senator Datuk Bashir Alias** berkata lebih 1,300 orang peserta telah menyertai acara-acara utama dan sokongan yang melibatkan peserta daripada dalam dan luar Labuan.

Katanya, Pertandingan Laut Dalam merupakan acara yang merekodkan penyertaan terbanyak iaitu 55 pasukan membabitkan sebanyak 18 buah kapal laut dalam yang telah digunakan berbanding tahun-

tahun sebelumnya.

“Dengan kejayaan ini telah menambah rekod LISC semasa yang sebelum ini telah mencipta tiga rekod iaitu penyertaan paling ramai untuk acara berenang antara pulau ke pulau, penyertaan paling ramai untuk acara berkayak mengelilingi pulau dan penyertaan paling ramai untuk acara lumba perahu.

“Selain matlamat menjadikan acara LISC ini sukan laut yang berprestij, tanggungjawab sosial bagi tujuan memberi kebajikan juga tidak dilupakan.

“Hasil tangkapan para peserta pertandingan LISC DA/IWA Fishing Tournament yang telah bersaing di perairan Semarang telah dilelong dan hasil lelongan

itu akan disumbangkan kepada Pusat Pendidikan Autisme Labuan sebagai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) para peserta dan pengelola acara ini,” katanya ketika berucap di Majlis Perasmian LISC di Plaza Berpayung, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Ahad lalu.

Hadir sama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail, Ketua Polis Daerah Labuan, Superintendant Ahmad Jawila dan ahli-ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan.

Bashir berkata pengajuran LISC tahun ini memberi manfaat kepada seluruh warga di pulau ini selepas dua tahun tidak

mengadakan pengajuran berprestij seperti itu.

“Seperti sedia maklum, dengan pengajuran LISC tahun ini memberi nafas baharu kepada para peniaga untuk meningkatkan semula sumber pendapatan mereka yang terjejas selama dua tahun.

“Ekonomi Labuan turut meningkat dengan kedatangan para pengunjung dan peserta dari luar Labuan,” katanya.

Tambahnya lagi, bagi pengajuran LISC pada tahun hadapan, Jawatankuasa Induk LISC akan meneruskan promosi di peringkat luar negara agar pengajuran itu meriah dan menjadikan Labuan sebagai destinasi Sukan Pelancongan berprestij. **W.K**



## Tuah orang Perak di Labuan... bawa pulang RM30,000

**BERJAYA mendapat hasil tangkapan ikan seberat 31.5 kilogram (kg), pasukan AKK Etom B dari Perak muncul sebagai Johan bagi acara Pertandingan Memancing Laut Dalam pada LISC yang diadakan di sini selama tiga hari.**

Pasukan AKK Etom B membawa pulang hadiah wang tunai sejumlah RM30,000 beserta alat memancing yang disumbangkan oleh pihak DAIWA.

Seorang ahli pasukan itu, **Mohd Masawi Sainadi**, 50, menyifatkan kemenangan dalam pertandingan yang diperolehi itu merupakan rezeki yang tidak disangka oleh pasukannya.

Katanya, walaupun kemenangan itu adalah kemenangan agak tipis berbanding pasukan lain dengan perbezaan lebih kurang 0.5 kg.

“Saya dan pasukan amat gembira apabila dinobatkan sebagai juara tahun ini dengan cabaran dan dugaan yang kami tempuh selama tiga hari di lautan membawa hasil.

Bercerita lanjut cabaran selama tiga hari di lautan, Masawi berkata keadaan cuaca ribut dan ombak bergelora merupakan cabaran utama yang terpaksa ditempuhi



PASUKAN AKK ETOM B, Perak merupakan Johan bagi Pertandingan Memancing Laut Dalam LISC 2022.

pasukannya.

“Selain cuaca, pada hari pertama kami menghadapi kesukaran mendapatkan ikan dan pada hari pertama itu juga kami hanya berjaya menangkap seekor ikan sahaja.

Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan pada hari kedua dan ketiga pasukannya berjaya menangkap ikan seberat 31.5 kg.

Manakala, Naib Johan dimenangi oleh kumpulan Silibin Tackle 1 dari Ipoh, Perak dengan tangkapan ikan terkumpul seberat 31kg untuk menerima hadiah wang tunai RM10,000 dan peralatan memancing Daiwa.

Tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan SeaBorg dari Kota Kinabalu Sabah dengan hasil tangkapan terkumpul seberat 30.1 kg, membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 dan peralatan memancing Daiwa. **W.K**



## Reaksi

**PENGAJURAN** LISC ini amat baik kepada penduduk Labuan bagi meningkatkan lagi sosio ekonomi setempat. Malahan, dapat menarik para pelancong dari dalam dan luar negara untuk datang ke pulau ini secara tidak langsung menghidupkan semula aktiviti yang ada di Labuan sebelum pandemik COVID-19 melanda negara.



Azmi Tahir, 43

**SELAMA** dua tahun tiada acara besar diadakan akibat pandemik COVID-19, kita sebagai penduduk di Labuan ini merasa amat sepi kerana tiadanya acara-acara keramaian boleh diadakan. Pengajuran LISC pada tahun ini merupakan acara saya nantikan dan LISC kali ini amat meriah sekali dengan pengisian acara utama dan sampingan yang menarik. Tahniah kepada pihak Perbadanan Labuan dan jabatan-jabatan yang terlibat kerana berjaya mengadakan LISC kali ini dengan meriah.



Masrulah Asmau, 45

Projek Tapak Pesta Layang-Layangan siap sepenuhnya

# Tarikan terbaru pelancongan di Labuan



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**P**ROJEK Tapak Pesta Layang-Layangan berdekatan di Taman Damai Kampung Layang-Layangan di sini, kini telah siap sepenuhnya.

Projek naik taraf bagi fasa 1 itu yang bernilai RM482,000 meliputi penyediaan fasiliti awam iaitu 50 lot tempat letak kendaraan, 20 lot bagi motosikal dan dua lot bagi Orang Kurang Upaya (OKU).

Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** tajuk yang telah siap dinaik taraf itu bakal menjadi lokasi pertama bagi penganjuran pertandingan layang-layang yang diadakan pada setiap tahun.



**RITHUAN** (tiga dari kiri) menyempurnakan majlis dengan penanaman pokok di kawasan itu sebagai simbolik penyerahan.

Katanya, sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ia adalah satu usaha pihaknya untuk meningkatkan Labuan dalam sektor pelancongan di dalam dan luar negara.

“Dengan penyerahan tapak ini daripada pihak kontraktor maka projek menaik taraf Tapak Pesta Layang-Layangan ini akan memberi manfaat kepada semua warga



**TAPAK** Pesta Layang-Layangan kini telah siap sepenuhnya.

Labuan.

“Selain itu, dapat membantu penduduk di sini untuk bermiaga secara kecil-kecilan,” katanya pada Majlis Penyerahan Tapak Pesta Layang-Layangan di sini, baru-baru ini.

ru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran), Fadzilah Mahmud dan Pengarah Jabatan Perbandaran Datuk Othman Jusoh. **WK**

## Belia Labuan perlu ambil peluang yang disediakan kerajaan

**PARA** belia di wilayah itu disarankan untuk mengambil pelbagai peluang yang disediakan kerajaan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing.

Ahli Dewan Negara, Senator **Datuk Bashir Alias** berkata para belia perlu memantapkan diri dengan ilmu pengetahuan dengan minat atau potensi diri untuk menghadapi dunia yang kian mencabar.

“Para belia boleh merujuk kepada agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Belia dan Sukan, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan agensi lain yang ada menyediakan sebarang kursus yang diminta agar boleh membantu para belia meningkatkan ilmu serta kemahiran yang ada.

“Potensi yang ada pada belia perlu dicungkil serta di-

asah bagi menjadi bekalan para belia meneruskan kehidupan terutamanya semasa pasca pandemik COVID-19 yang mana banyak sektor ekonomi yang menjelaskan peluang pekerjaan mahupun perniagaan.

“Para belia yang sudah mempunyai pekerjaan juga digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi untuk memajukan diri sendiri serta kerjaya di masa hadapan,” jelasnya semasa merasmikan Program Cambah Minda, Jabatan Penerangan Labuan, baru-baru ini.

Tambahnya, para belia juga perlu bijak memilih kerajaan pada pilihanraya umum yang akan datang bagi menjamin masa depan mereka yang lebih terjamin.

“Belia perlu bijak dan berhati-hati dalam memilih

kerajaan, pilihlah yang ada ‘track record’ agar nasib belia terbaik dan mendapat lebih banyak peluang untuk membangunkan golongan belia di negara ini,” katanya.

Pada program itu, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Ab Rasil Hajatil menyampaikan ceramah mengenai Undi 18 Tahun, Konsep Keluarga Malaysia dan Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori dan para peserta seterusnya diberikan tugas untuk menghuraikan semula maklumat-maklumat yang diterima.

Program yang mendapat kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Labuan, Majlis Belia Labuan, Ahli Parlimen Belia Labuan dan Gabungan Belia Pohon Batu itu turut dihadiri Ahli Parlimen Belia Labuan, Nazera Roslan. **WK**



**BASHIR** (belakang, tengah) bersama para Pegawai JaPen Labuan dan peserta bergambar kenangan.



**PASUKAN** Sun Wukong FC muncul juara Kejohanan Futsal Piala Wilayah Persekutuan peringkat Labuan, baru-baru ini.

## Sun Wukong FC rangkul juara Futsal Piala Wilayah Persekutuan

**PASUKAN** Sun Wukong FC muncul juara Kejohanan Futsal Piala Wilayah Persekutuan Kejohanan Futsal Piala Wilayah Persekutuan, peringkat Wilayah Persekutuan Labuan selepas menewaskan Wakanda FC dengan jaringan 4-0 pada perlawanan akhir kejohanan itu.

Pasukan Sun Wukong yang dibarsi beberapa pemain lebih muda dan bertenaga membawa pulang hadiah wang tunai RM1,400, sebuah piala dan medal.

Manakala pasukan Wakanda yang terpaksa berpuas hati untuk bergelar naib juara membawa pulang hadiah wang tunai RM800, sebuah piala dan medal.

Sementara itu, pasukan AMK Infinity menjuarai kategori wanita selepas membelas pasukan Axes FC dengan jaringan 7-0 pada perlawanan akhir sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, sebuah piala dan medal.

Naib juara Axes FC meraih hadi-

ah wang tunai RM800, sebuah piala dan medal.

Kedua-dua pasukan Sun Wukong FC dan AMK Infinity akan mewakili Labuan ke peringkat tiga Wilayah Persekutuan membabitkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan selaku tuan rumah yang dijadual berlangsung pada 20 Ogos depan.

Sementara itu, majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Ahli Dewan Negara Senator, Datuk Bashir Alias.

Kejohanan Futsal sempena Hari Wilayah Persekutuan peringkat Labuan itu dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Labuan (LAFA), Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Perbadanan Labuan (PL) dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan.

Terdahulu, sebanyak 40 pasukan lelaki dan 10 pasukan wanita telah menyertai kejohanan tersebut yang diadakan selama dua hari di gelanggang Futsal Perbadanan Labuan. **WK**

## PERADUAN MEWARNA PM172



NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

### CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM172".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **16 JULAI 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 174.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.




## KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 170

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM170 daripada akhbar Wilayahku Edisi 170:

MUHAMMAD AISY RAYYAN  
MUHAMMAD RAZI  
(7 tahun)  
Presint 17, Putrajaya

AZRIL ISKANDAR ISHAK  
(12 tahun)  
Kampung Bebuloh, Labuan

NABILLA HUDA SULAIMAN  
(10 tahun)  
Segambut, Kuala Lumpur



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK170 daripada akhbar Wilayahku Edisi 170:


MOHD AUFA SAIEDON  
(36 tahun)  
Seri Kembangan, Selangor

SUZIE YANA YUSOH  
(34 tahun)  
Presint 16, Putrajaya

NUR BAZIN SUAZAM  
(30 tahun)  
Cheras, Selangor



## TEKA SILANG KATA SK172



### MELINTANG

1. Riwayat
5. Pukul kapas dengan kayu
6. Gunung bercabang tiga
7. Melincinkan buluh
8. Pemerah kuku
9. Tugu peringatan
11. Unit sukatan

### KE BAWAH

1. Kain bertompok-tompok
2. Satelit semula jadi
3. Tambak penahan air
4. Sesudah itu
10. Leher baju

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

### CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK172".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **16 JULAI 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 174.

**3** PENYERTAAN PALING TEPAT DAN  
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



## BaKaT Cilik



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.  
E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

# Jual bantal gebu, suri rumah jana ribuan ringgit setiap bulan



HAZIRAH HALIM

**M**UNGKIN ramai yang beranggapan suri rumah mempunyai banyak masa terluang namun sebaliknya golongan ini tidak pernah surut daripada melakukan kerja rumah dan menguruskan keluarga.

Boleh dikatakan mereka ini adalah 'superwoman' yang hebat di mata insan tersayang. Malah, mereka juga sentiasa rela untuk berkorban apa sahaja demi memastikan keluarganya sentiasa terpelihara.

Mengakui hal yang sama, usahawan kota yang dikenali sebagai **Jamaliah Mastafa**, 50, rela bertungkus lumus menjual bantal demi membantu suami menyara keluarga lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini.

Memilih bantal jenama Leyna untuk menjana pendapatan, ternyata pilihannya mendaftarkan diri sebagai stokis itu membawa rezeki apabila dia berjaya meraih pendapatan mencapai ribuan ringgit.

Menariknya lagi, tiga tahun bergelar stokis, dia kini dinobatkan sebagai *top leader* oleh jenama tersebut apabila berjaya meraih 500 mata dalam masa kurang dari 10 bulan yang ditetapkan oleh HQ dan turut mempunyai tiga orang egen dan 12 orang stokis yang bernaung di bawahnya.

"Alhamdulillah berkat kesabaran dan niat untuk membantu suami akhirnya saya kini mempunyai pendapatan bulanan selain dalam masa yang sama dapat menuaikan tanggungjawab menguruskan keluarga."

"Sebenarnya saya memang suka bermula tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan



**BERKAT** kesungguhan Jamaliah, dia dinobatkan sebagai *top leader* selepas meraih 500 mata dan berhasrat mengembangkan perniagaannya ke peringkat lebih tinggi.

ini baru boleh beri tumpuan lebih sedikit memandangkan anak-anak sudah besar," ujar ibu kepada lima orang cahaya mata ini.

Berkongsi tentang produk yang dijual, Jamaliah berkata, dia mendapat info tentang bantal tersebut melalui rakan dan sebelum mengambil keputusan untuk menjual, dia cuba menggunakan produk tersebut terlebih dahulu.

"Sebagai jurujual saya memang akan memastikan produk yang dijual bagus sebelum memperkenalkan kepada pelanggan. Alhamdulillah banyak keistimewaan bantal ini yang membuatkan saya tidak teragak-agak untuk menjualnya."

"Bantal ini mempunyai ketahanan dan kualiti tinggi yang mana ia sangat selesa, lembut, tidak luntur warna, senang dibawa kemana-mana dan paling menarik ia boleh dibasuh dengan menggunakan mesin," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Malah, pelanggan tidak perlu

risau kerana bantal tersebut tidak akan mengecut sebaliknya akan kekal empuk, gebu dan cantik seperti biasa.

Memiliki dua warna setakat ini iaitu kelabu dan putih, bantal Leyna terdiri daripada lapan jenis bantal iaitu *Favourite*, *Petite*, *Cushion*, *Bolster*, *Premiera Pillow*, *Premiera Petite*, *Premiera Long Pillow* dan *Bolster Petite* dan tujuh pakej *Family Leyna* antaranya *Rafflesia*, *Violet*, *Petunia*, *Akasia*, *Iris*, *Lavender* dan *Orkid*.

"Uniknya bantal ini juga boleh dilaras ketinggian dan kegebuannya selain memiliki jahitan kemas dengan corak yang mewah. Antara bantal yang menjadi pilihan adalah *Leyna Favourite* untuk dewasa kerana ia didatangkan dalam beg selain memiliki zip untuk melaraskan ketinggian dengan harga RM39.

"Bukan sahaja bantal untuk orang dewasa malah ada juga bantal kanak-kanak iaitu *Leyna Petite* yang bersaiz kecil iaitu 14 inci dan seberat 400 gram dan amat sesuai untuk

diletakkan di rumah pengasuh, kegunaan pelajar asrama serta di bawa melancong," ujarnya lagi.

Dengan harga serendah RM23, jualannya mendapat respons positif daripada pelanggan di seluruh negara.

"Strategi sangat penting buat peniaga untuk berjaya dalam bidang ini. Saya mempunyai stok sedia ada di rumah dan sekiranya mendapat tempahan, saya akan terus menghantar kepada pelanggan di kawasan sekitar manakala di luar Lembah Klang akan dihantar melalui pos," katanya.

## KELUAR DUIT SIMPANAN

TIDAK dinafikan bukan mudah untuk berjaya. Jamaliah juga turut berdepan pelbagai cabaran untuk berada di tahap seperti hari ini. Pandemik COVID-19 banyak menguji kekuatannya untuk terus

**“**Alhamdulillah berkat kesabaran dan niat untuk membantu suami akhirnya saya kini mempunyai pendapatan bulanan selain dalam masa yang sama dapat menuaikan tanggungjawab menguruskan keluarga.

bertahan.

"Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), saya tak boleh keluar rumah untuk menjual malah untuk mengambil stok di ibu pejabat pun tidak boleh. Waktu itu saya sebenarnya dah hampir berputus asa.

"Selain itu, kos penghantaran semasa PKP juga tinggi dan menyebabkan saya terpaksa mengeluarkan wang simpanan untuk dijadikan modal. Namun mujurlah keluarga jadi pembakar semangat untuk saya bertahan," ujarnya.

Dalam masa yang sama, dia juga turut menitipkan pesan kepada golongan muda supaya menjadi usahawan dan menggunakan peluang yang ditawarkan menerusi Program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK).

Bagi yang ingin mendapatkan bantal Leyna, boleh menghubungi talian atau WhatsApp di talian **011-5874 0504**. **W.K**



**ANAK** kembarinya, Nur Izzati (kanan) dan Nur Izzah (kiri) antara tulang belakang yang sentiasa membantunya ketika menjalankan perniagaan bantal Leyna.





SABRINA SABRE

**P**ERBADANAN Putrajaya (PPj) sentiasa komited dalam usaha memastikan Putrajaya menjadi sebuah Bandar Mampang dan Bandar Hijau Karbon Rendah bertaraf dunia dalam semua aspek menjelang tahun 2025.

Baru-baru ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tersebut meraikan lima buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Putrajaya yang dinobatkan sebagai pemenang Program SMArt Botanic Edu-CARE dalam satu majlis penghargaan yang berlangsung di Dewan Seri Seroja, Presint Diplomatik, Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, program itu dilaksanakan untuk melatih pelajar SMK Putrajaya membina landskap mini taman dengan idea yang kreatif, kondusif dan lestari di samping membantu mengindahkan persekitaran sekolah.

"Kolaborasi bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan turut diadakan untuk menyemai pengetahuan berkaitan pengetahuan botani asas dan latihan praktikal tentang reka bentuk dan pengurusan landskap kepada guru dan pelajar.

"Sebanyak sembilan buah SMK di Putrajaya telah menyertai program ini dan lima sekolah telah

# Lima buah sekolah di Putrajaya dinobat pemenang SMArt Botanic Edu-CARE



FADLUN (tengah) bersama pelajar SMK Putrajaya Presint 5(1) yang dinobatkan sebagai juara Program SMArt Botanic Edu-CARE.

diumumkan sebagai pemenang dalam pembinaan taman mini berpadukan kepada amalan hortikultur serta reka bentuk landskap yang terbaik dan lestari dalam penggunaan barang terbuang atau kitar semula.

"Kesemua sekolah diperuntukkan selama lima minggu untuk menyiapkan cadangan

mereka bentuk landskap taman mini dan proses ini melibatkan perbincangan serta lawatan tapak ke sekolah bersama wakil PPj, pensyarah, pelajar UPM, guru dan pelajar sekolah menengah masing-masing berkenaan kesesuaian tapak serta konsep yang dipersetujui oleh pihak sekolah," katanya sejurus majlis.

Antara sekolah yang dinobatkan sebagai pemenang adalah SMK Putrajaya Presint 5(1) (Juara), SMK Putrajaya Presint 9(2) (Naib Juara), SMK Putrajaya Presint 16(1) (Tempat Ketiga), SMK Putrajaya Presint 11(1) (Merit) dan SMK Putrajaya Presint 8(1) (Merit).

Juara pertandingan membawa pulang wang tunai bernilai RM1,500

berserta trofi, RM1,000 bagi Naib Juara, manakala Tempat Ketiga RM700 dan hadiah Merit pula sebanyak RM500.

Tambah beliau, PPj akan meneruskan program pendidikan seumpama ini pada masa akan datang di bawah Local Agenda 21-Greenovation dengan penglibatan bersama sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), badan berkanun dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

"Dalam jangka masa panjang, PPj akan mengetengahkan pendekatan konsep lestari 'Putrajaya Eco-School' di sekolah-sekolah Putrajaya bagi menggalakkan pelajar menjaga alam sekitar melalui pelbagai aktiviti kesedaran pendidikan alam sekitar dan biodiversiti," ujarnya.

Turut hadir, Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, LAr. Abd Aziz Buang; Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya LAr. Dr Suhardi Maulan dan Timbalan Pengarah Perancangan Jabatan Pendidikan Wilayah Putrajaya, Dr Roslan Hussin. **W.K**

## 500 pelajar terima beg sekolah, wang tunai RM1,000

SERAMAI 500 pelajar dari keluarga berpendapatan rendah (B40) di Putrajaya menerima sumbangan Bantuan Khas Persekolahan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) 2022, baru-baru ini.

Sumbangan berupa dua unit beg sekolah dan wang tunai RM100 bagi setiap seorang dihulurkan kepada pelajar-pelajar yang telah dikenal pasti melalui kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Putrajaya dan barisan kepimpinan setempat.

Pengerusi MPP Zon Putrajaya, **Datuk Shokri Shafee** mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan YWP di atas keprihatinan membantu meringankan beban perbelanjaan kelengkapan sekolah khususnya ibu bapa dan pelajar.

"Sumbangan ini sememangnya membantu mencukupkan keperluan sekolah pelajar terutamanya beg yang mana pelajar tidak perlu lagi menggunakan beg yang sama untuk dua sesi persekolahan iaitu sekolah pagi dan petang selain wang tunai itu juga dapat digunakan untuk membeli buku, alat menulis dan sebagainya."

"Selepas penularan wabak COVID-19, masyarakat terjejas selain kenaikan harga barang juga sedikit sebanyak menganggu



ADNAN (kanan) menghulurkan sumbangan beg sekolah kepada salah seorang bapa di Putrajaya baru-baru ini. Turut sama, Zaizalnizam (dua kiri).

pendapatan ibu bapa, jadi bantuan ini diharapkan membantu mereka menyediakan keperluan sekolah anak-anak," katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam masa yang sama, beliau mengakui program tersebut bagus dan wajar diteruskan pada setiap tahun kerana ia membawa banyak kebaikan kepada masyarakat khususnya mereka yang memerlukan selain berharap diperbanyak lagi bantuan lain seperti pakaian atau peralatan sekolah.

"YWP tidak pernah lekang membantu penduduk di Putrajaya meskipun ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) lalu dan pihak MPP Putrajaya juga akan menerima sumbangan empat ekor lembu beserta wang tunai bernilai RM1,000 untuk pelaksanaan ibadah korban Hari Raya Aidiladha tahun ini," ujar beliau.

Terdahulu, Program Bantuan Khas Persekolahan YWP 2022 melibatkan Parlimen Putrajaya berlangsung pada Sabtu lalu bertempat di Dewan Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun; Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; MPP Zon Putrajaya dan barisan kepimpinan setempat.

## 'Our Community, Our Showcase' papar produk usahawan komuniti

**JANA PENDAPATAN.** Program Integrasi Pemasaran Produk Komuniti Putrajaya yang bertemakan 'Our Community, Our Showcase' merupakan platform yang diwujudkan bagi membantu memasarkan produk usahawan Putrajaya.

Program yang bermula sejak 11 Jun lalu diadakan dua minggu sekali iaitu pada Sabtu dan Ahad dari pukul 7.30 pagi hingga 3 petang seiring matlamat Blueprint Masyarakat Sejahtera (BMS) Putrajaya 2018-2022 dalam memacu pembangunan yang inklusif dan mampang, memperkasakan ekonomi serta taraf hidup warga Putrajaya.

Sebanyak 20 gerai telah disediakan buat para usahawan untuk memaparkan jualan serta pameran produk komuniti seperti jualan hasil tanaman Kebun Komuniti Presint 16 yang terdiri daripada Bayam Brazil Crispy.



PRESIDEN Perbadanan Putrajaya (PPj), DATUK TPr Fadlun Mak Ujud meluangkan masa mencanting batik di salah sebuah gerai usahawan yang terdapat Lobi Kompleks Presint 16, Putrajaya.

Jadikan bapa dan abang idola angkat berat

# Elvin sedia beraksi di SUKMA

SABRINA SABRE

**A**TLET angkat berat Wilayah Persekutuan, Muhammad Elvin Hidayat, 19, mengakui bersyukur kerana bapa dan abangnya juga merupakan individu yang hebat dalam arena sukan angkat berat.

Hal tersebut memudahkan dirinya untuk bergiat aktif dalam sukan tersebut kerana bapanya, lagenda angkat berat negara, Hidayat Hamidon dan abangnya, atlet negara, Muhammad Erry merupakan idolanya selama ini.

"Saya bangga berada dalam lingkungan individu yang hebat. Lebih-lebih lagi mereka juga merupakan ahli keluarga saya sendiri. Malah, perjalanan saya dalam bidang ini juga bertitik tolak daripada mereka," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Mula aktif dalam sukan tersebut



MUHAMMAD ELVIN

but sejak berumur 11 tahun, dia mengakui disiplin yang ketat adalah perkara paling penting untuk memastikan dirinya berjaya dan relevan dalam sukan angkat berat.

"Sesi berlatih sebanyak lima kali seminggu di gimnasium selain saya turut melakukan senaman fizikal. Tiada kompromi dalam hal ini kerana saya perlu bersiap sedia dari segi mental dan fizikal setiap masa.

"Sukan angkat berat ini bukan hanya memerlukan kekuatan fizikal semata-mata, namun aspek kerohanian dan keadaan mental yang sihat dan stabil memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi seseorang atlet.

"Apabila kesemua elemen ini seimbang, lebih mudah untuk atlet mengawal emosi mereka ketika beraksi," ujarnya yang memasang impian

## Pencapaian Muhammad Elvin

**2022 – Kejohanan Angkat Berat Junior dan Senior Kebangsaan Sarawak – Tempat ke-3**

**2022 – Kejohanan Angkat Berat Senior, Junior & Youth Kebangsaan – Naib Johan**

**2020 – Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan Remaja – Naib Johan**

**2019 – Kejohanan Angkat Berat Kebangsaan Junior & Jemputan – Tempat ke-4**

untuk beraksi di pentas Olimpik suatu hari nanti.

Mengakui masih jauh perjalannya untuk menjadi seorang atlet yang disegani, Elvin bagaimanapun tidak kisah jika perlu berkurban tenaga dan masa kerana dia percaya tiada jalan pintas untuk mencapai impian.

"Mungkin ia akan mengambil

masa bertahun-tahun tetapi saya tetap akan berusaha untuk melayakkan diri ke Olimpik memandangkan ini adalah jalan yang saya pilih," katanya.

Menyentuh tentang perkembangan terbaiknya pu-pula, pelajar jurusan Diploma Pengajian Sukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam ini sedang giat mempersiapkan diri menghadapi kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur pada September.

"Setakat ini saya sudah pun bersedia ke arah itu dan akan memberikan 100 peratus fokus sebelum beraksi untuk mengelakkan sebarang kecederaan," ujar anak kedua daripada tiga adik-beradik ini.

WK



ELVIN percaya tiada jalan pintas untuk berjaya.

# Liek Hou rampas semula ranking no 1 dunia

**SELEPAS** merampas kembali ranking nomor satu dunia baru-baru ini, jaguh paralimpik negara, Cheah Liek Hou kini menyasarkan untuk merampas kembali mahkota Kejohanan Badminton Para Dunia di Tokyo, November ini.

Jika pemain berusia 35 tahun itu berjaya dalam misi pada kejohanan itu dari 1 hingga 6 November ini, selepas ditangguhan selama setahun, pencapaian itu akan menjadi pingat emas ke-12 beliau di pentas dunia sejak 2007.

Liek Hou yang mencipta sejarah sebagai pemenang pingat emas badminton yang pertama Sukan Paralimpik Tokyo tahun lalu, juga berharap mencegalkan ranking teratas dunia selama mungkin.

"Gembira dapat kembali sebagai pemain nomor satu dunia sekali lagi. Pada April 2019, beliau jatuh ke tangga kedua dan pada Ogos jatuh tempat keempat. Selepas beberapa tahun, hanya dua minggu lalu saya dapat merampas semula ranking pertama dunia."

"Saya ingin mengambil peluang ini untuk mencegalkan kedudukan ini. Jadi saya harap boleh memenangi lebih banyak pertandingan dan mencipta lebih banyak rekod untuk diri saya sendiri," katanya kepada *Bernama* ketika dihubungi.

Tahun 2019, khususnya merupakan tahun yang mencabar bagi Liek Hou, yang bukan sahaja kehilangan ranking nomor satu dunianya, tetapi juga satu dekad penguasaan dalam acara perseorangan lelaki SU5 di Kejohanan Dunia berakhir apabila tewas kepada musuh tradisi, Dheva Anrimusthi dari Indonesia, di separuh akhir untuk berpuas jhati

**LIEK HOU** bakal beraksi di Tokyo November ini.



dengan pingat gangsa.

Selepas melalui beberapa fasa mencabar dalam kariernya yang diburukkan lagi dengan pandemik COVID-19, anak kelahiran Kuala Lumpur itu berjaya bangkit semula untuk memenangi beberapa kejuaraan antarabangsa dengan menembus kekecweaan ke atas Dheva di Sukan Paralimpik Tokyo.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Sukan Negara, dan Kementerian Belia dan Sukan kerana mempercayai saya dan memberi peluang untuk mewakili negara walaupun ranking dunia sayaerosot dan prestasi saya menurun. Ia membantu membuktikan bahawa saya masih boleh mara ke Sukan Paralimpik Tokyo."

Tidak lupa kepada pasukan bimbingan saya yang diketuai oleh Datuk Rashid Sidek, yang berdedikasi dan berkongsi banyak pengalaman untuk membantu saya mendapatkan

kembali keyakinan dan prestasi saya untuk tahun ini," katanya.

Liek Hou telah memenangi lima pingat emas perseorangan lelaki berturut-turut dalam Kejohanan Dunia daripada edisi 2007 hingga 2017 sebelum kehilangan gelaran pada 2019.

Dalam acara beregu lelaki, beliau memenangi empat gelaran berturut-turut dari 2007 hingga 2015, tetapi pada 2017 dan edisi 2019, beliau pulang masing-masing dengan pingat perak dan gangsa.

Katanya, beliau belum membuat keputusan mengenai acara beregu untuk edisi kali ini kerana belum memutuskan pasangannya.

Liek Hou seterusnya akan mengambil bahagian dalam Kejohanan Para Antarabangsa Empat Negara di Dublin, Ireland dari 11-17 Julai, diikuti Sukan Para ASEAN di Solo, Indonesia, dari 30 Julai hingga 6 Ogos ini. - BERNAMA

# KESWIP dan PPj berentap

**PERSAHABATAN.** Satu perlawan pernah persahabatan bola sepak antara Kelab Kebajikan dan Sukan Wilayah Persekutuan (KESWIP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) telah berlangsung di Stadium Pancarona pada 30 Jun 2022.

Perlawan menyaksikan babak separuh masa pertama di mana jaringan pertama perlawan bagi KESWIP oleh Khairul Azali pada minit ke-13 berjaya membuka pintu gawang PPj.

Aksi separuh masa kedua pula didominasi oleh pemain PPj namun para pemain

KESWIP terus bermain dengan serangan balas laju (*counter*). Permainan ditamatkan dengan keputusan seri 4-4.

Kehadiran dan sorakan para penonton turut memberi impak dalam perlawan yang julung kali diadakan ini.

Terdahulu, perlawan persahabatan ini juga adalah sebagai satu sesi latihan bagi meningkatkan kesiapsiagaan kedua-dua pasukan yang bakal menghadapi Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Integrasi MAKSWIP yang bakal diadakan di Perlis pada hujung tahun ini. WK



AKSI pemain pada perlawan di Stadium Pancarona baru-baru ini.



## 5,766 peniaga terima manfaat pengurangan sewa 50 peratus

**H**AMPIR 6,000 penjaja dan peniaga kecil yang menyewa premis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diberikan potongan sewa 50 peratus sehingga akhir tahun ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata pengurangan kadar sewa tersebut disambung selama enam bulan lagi bermula Julai hingga Disember depan.

Menurutnya, anggaran pengurangan hasil hampir RM3.1 juta bagi tempoh lanjutan pengurangan sewa itu.

“Walaupun negara memasuki Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April lalu, namun masih terdapat rungutan daripada penjaja dan peniaga kecil tentang beban hidup yang terpaksa ditanggung akibat impak ekonomi yang baharu memasuki proses perkembangan secara berperingkat.

“Bagi mengurangkan bebanan dan menambah nilai aliran wang kelompok berkenaan, pihak kementerian dan DBKL bersetuju untuk melanjutkan tempoh pengurangan kadar sewa berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Walkabout di Anjung Selera Jalan Jujur, Bandar Tun Razak pada Rabu.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** dan Pengerusi SW Corp, **Datuk Rizalman Mokhtar**.



**JALALUDDIN** (tengah) menyampaikan cenderahati kepada peniaga semasa sesi walkabout di Anjung Selera Jalan Jujur, Bandar Tun Razak pada Rabu.

Rizalman Mokhtar.

Lawatan tersebut untuk melihat beberapa perkara yang boleh ditambah baik untuk memastikan peniaga dan pengunjung selesa.

Mengulas lanjut, Jalaluddin berkata DBKL telah memberi inisiatif pengurangan kadar sewa tersebut bermula Januari 2022 hingga Jun 2022.

Katanya, inisiatif itu diharap membantu peniaga dan penjaja kecil untuk terus mengoptimalkan operasi perniagaan mereka, sekali gus membantu mengurangkan beban hidup di ibu

kota.

Sebelum ini, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL telah memberi pelbagai sumbangan dan inisiatif COVID-19 sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 sehingga Mac 2022.

Terdapat 10 bentuk bantuan dan inisiatif telah diberikan di bawah kelolaan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan (JPPP) DBKL yang menelan kos atau pengurangan hasil hampir RM31.8 juta.

WK

## Tarikan pelancongan terbaru di KL

**MASJID** Jamek Sultan Abdul Samad yang dibina pada 1909 bakal menjadi antara lokasi baharu dalam program lawatan berpandu sehari ‘Singgah KL’ anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata program bermatlamat mempromosi seni bina bandar yang diperkenalkan sejak 2017 itu bertujuan merancakkan lagi sektor pelancongan selain memperkenalkan bangunan ikonik di ibu negara kepada orang ramai.

“Selain lokasi masjid ini yang sangat strategik, kita bukan sahaja mahu membangunkan masjid sebagai syiar Islam tetapi juga berfokus untuk menjadi tarikan pelancong terbuka kepada semua bangsa dan agama.

“Jadi, kita hendak memperindahkan lagi masjid itu agar ia dapat membentuk satu struktur yang ikonik dari semua aspek termasuk keindahan, kebersihan sistem pencahayaan dan kualiti penyelenggaran,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Galeri Sultan Abdul Samad di masjid berkenaan pada Rabu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), **Datuk Mohd Ajib Ismail**. WK



## PU Riz buka sekolah agama, bantu anak bangsa dalam agama

DEEL ANJER

**MELENTUR** buluh biarlah dari rebungnya. Itu peribahasa masyarakat Melayu yang menyarankan agar ibu bapa sentiasa berperanan memberikan pendidikan terhadap anak mereka.

Kanak-kanak amat mudah dibentuk keperibadian sahsiah mereka. Ini kerana peringkat usia tersebut, segala ajaran, asuhan dan bimbingan yang disampaikan mudah diserap ke dalam jiwa.

Justeru, pendakwah bebas yang juga selebriti **Muhammad Haris Mohd Ismail** atau PU Riz, 27, kini memperkenalkan pra sekolah iaitu Islah Junior yang memberi fokus kepada pemahaman agama Islam sedari kecil selain pembelajaran lain.

“Saya nak melihat anak-anak kita membesar dengan ilmu dunia dan akhirat. Kalau boleh nak mereka ada pemahaman agama sejak kecil lagi.

“Umumnya masyarakat sedar bahawa banyak gejala sosial yang berlaku dalam kalangan remaja. Sesetengahnya tak masuk akal dan kita tak terfikir mereka boleh sampai ke situ (negatif).

“Tambahan pula apabila berlakunya penyalahgunaan internet dan media sosial. Bukan senang nak kawal. Banyak benda yang tidak elok dapat di-

capai oleh mereka hanya di hujung jari,” katanya.

Menyentuh tentang Islah Junior, PU Riz yang juga pengasas bersama Mohd Fakhruddin Mohd Ariff berkata silibus sekolah itu membantu kanak-kanak mendapat pendidikan yang seimbang antara dunia dan akhirat.

“Ini satu lagi cabang perniagaan yang saya terokai. Kalau ditanya kenapa saya terbabit, ia adalah untuk anak bangsa. Kalau tak fokus dari usia awal kanak-kanak, nanti banyak mereka terlepas contohnya dalam bab agama.

“Pada awalnya saya tengok satu persatu dulu dari segi silibus dan sistem yang bakal digunakan. Kebetulan jurusan pengajian saya dulu adalah pendidikan, jadi saya tengok pendekatan pengajaran mereka bagus.

“Keunikannya adalah penggunaan bahasa pelbagai iaitu ‘uncommon words’ yang menjadikan penggunaan kosa kata itu pelbagai. Itu yang saya minat dan akhirnya ambil keputusan untuk terbabit sama,” katanya.

Dalam masa sama, PU Riz berkata di sekolah itu dia lebih kepada penyediaan silibus subjek berkaitan agama Islam selain bertindak dari segi perancangan pengajaran, promosi dan pemasaran.

“Islah Junior secara rasmi ditubuhkan awal tahun ini dan baharu saja dirasmikan pada 1 Julai lalu. Ini sekolah baharu dan nama pun saya yang bagi. Alhamdulillah, sekarang sekolah ini sudah ada empat cawangan iaitu di Shah Alam, Klang, Putrajaya dan Cyberjaya.

“Bahasa pengantar dalam bahasa Inggeris dan Arab. Guru-guru pula sekurang-kurangnya lepasan Diploma Pendidikan sama ada dalam bidang Inggeris atau Arab,” tambahnya lagi yang telah menangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Selangor (UNISEL) yang mana pelajar bidang pendidikan mereka boleh menjalani latihan industri di Islah Junior. WK

